# قليتا بروني
# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

70 TAHUN 1956-2026


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DAGING dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah atas hidayah-Nya kepada kamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan".**

**- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Haj, ayat 27**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.42 | MAGHRIB 6.28 | ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 71 BILANGAN 62 | 25 MEI 2026 / 1447 ذوالحجه 7 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


# PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEMERDEKAAN JORDAN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan dan ahli kerabat diraja serta kerajaan dan juga rakyat Jordan bersempena dengan Hari Kemerdekaan negara tersebut.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan.**

# Hayati kehebatan lafaz talbiah

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 23 Mei. - Antara amalan agung yang sentiasa membasahi bibir para jemaah haji dan umrah ialah lafaz talbiah yang bermaksud: "Aku menyahut panggilan-Mu Ya Allah, aku menyahut panggilan-Mu. Aku menyahut panggilan-Mu tiada sekutu bagi-Mu, aku menyahut panggilan-Mu. Sesungguhnya segala pujian, segala nikmat dan seluruh kerajaan adalah milik-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu".

Lafaz ini bukan sekadar zikir biasa, bahkan merupakan pengakuan seseorang itu adalah hamba Allah, pengakuan segala puji hanyalah kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap segala nikmat-Nya.

Besarnya ganjaran talbiah apabila setiap kali jemaah haji dan umrah melafazkannya dengan penuh keikhlasan, dia sebenarnya disertai oleh seluruh alam, seluruh alam turut bersama-sama mengagungkan Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh sebab itu, para sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam meninggikan suara bertalbiah dengan penuh semangat dan penghayatan.

Demikian antara inti pati di dalam tazkirah bertajuk 'Hebatnya Lafaz Talbiah' yang disampaikan oleh Guru Sekolah Menengah Rimba II, Kementerian Pendidikan, Awang Omardi bin Haji Abu Bakar, yang merupakan jemaah haji yang mengikuti Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. bagi menyerikan Malam Munajat Kali Ke-230 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada malam tadi.

**>> Muka 5**

# Pelepasan benih udang galah ke Sungai Temburong

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**TEMBURONG**, Sabtu, 23 Mei. - Sebanyak 200,000 ekor benih udang galah telah dilepaskan ke perairan Sungai Temburong semasa Program Pelepasan Benih Udang Galah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

**>> Muka 8**

# Komited laksanakan program pemulihan banduan secara holistik

**Oleh : Khartini Hamir**

**MARABURONG**, Sabtu, 23 Mei. - Sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang menggalas amanah dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan negara, Jabatan Penjara turut melaksanakan pelbagai program pemulihan yang bermanfaat kepada insan-insan yang diberikan peluang kedua untuk kembali ke landasan yang benar dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Peramba/Saya menyambut baik usaha Jabatan Penjara dalam merancang dan melaksanakan program-program pemulihan berteraskan proses *desistance*," terang Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman ketika berucap di Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-72, Tahun 2026 bertempat di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara, di sini.

**>> Muka 6**


IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn


## Berita Utama



UNISSA anjur Majlis Makan Malam Undang-undang Tahunan

Muka 5



TERUS memperkukuh sistem kesihatan berdaya tahan, saksama

Muka 9



MEMPERLUASKAN penyampaian dakwah, pendidikan Islam secara lebih inklusif

Muka 10



RENCANA

CIPTA dunia persaraan yang tenang

Muka 21

PELITA BRUNEI

# NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste teroka potensi kerjasama dalam perniagaan



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Sesi Dialog Perniagaan Republik Demokratik Timor-Leste pada Selasa, 5 Mei 2026 yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Royal Brunei Polo & Riding Club, Jerudong.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Dayang Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi semua.**

**PERTAMA** sekali, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama dan delegasi dari Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kedutaan Republik Demokratik Timor-Leste di Negara Brunei Darussalam dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) kerana menganjurkan acara Penglibatan Perniagaan hari ini, dan kepada semua agensi-agensi kerajaan, dewan perniagaan dan wakil perniagaan yang mengambil bahagian atas kehadiran dan sokongan awda.

Kita berkumpul hari ini sebagai wakil dua negara yang terikat dengan komitmen bersama terhadap pertumbuhan mampan dan kerjasama ekonomi.

Kita bertemu pada masa ekonomi global sedang dibentuk semula. Rantaian bekalan sedang berubah, peralihan tenaga sedang menyusun semula industri dan teknologi sedang mengubah cara perniagaan beroperasi dan bersaing. Dalam persekitaran ini, perkongsian berasaskan kepercayaan adalah lebih penting (daripada sebelumnya), bukannya kurang penting.

Di tengah-tengah arus global ini, ASEAN terus menonjol sebagai salah satu rantau paling dinamik dan berdaya tahan di dunia, berfungsi sebagai platform penting untuk kestabilan, integrasi dan pertumbuhan. Oleh itu, kami mengalu-alukan penyertaan Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Negara Anggota Ke-11 ASEAN, satu peristiwa penting yang mengukuhkan rantau ini dan membuka jalan baharu untuk kerjasama. Bagi NBD, ini memberikan peluang yang tepat pada masanya untuk perniagaan kita, terutamanya PMKS untuk memperdalam perkongsian, melangkaui pasaran domestik dan mengambil bahagian dengan lebih bermakna dalam rantaian nilai serantau.

NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste telah menikmati hubungan diplomatik yang baik sejak tahun 2002. Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste pada Mei 2024 seterusnya mengesahkan aspirasi kedua-dua pemimpin untuk memperdalam kerjasama dalam sektor keutamaan termasuk pendidikan, kesihatan, tenaga, pembangunan ekonomi dan pelaburan. Penglibatan hari ini membuka jalan dalam membina asas ini dengan penekanan yang lebih tertumpu pada perdagangan, pelaburan dan pertumbuhan yang dipacu oleh sektor swasta.

Melalui Wawasan Brunei 2035 kami dan seperti yang dinyatakan dalam Brunei Darussalam Economic Blueprint, kerajaan komited untuk meluaskan asas ekonomi kami, menarik pelaburan yang berkualiti dan, yang penting, memperkasakan perusahaan Brunei untuk mengantarabangsakan, berkembang dan bersaing di peringkat serantau dan seterusnya.

Bagi memastikan syarikat-syarikat Brunei berkembang secara mampan, mereka perlu mengakses pasaran baharu, membentuk perkongsian rentas sempadan, memanfaatkan teknologi dan inovasi, dan berintegrasi ke dalam ekosistem serantau. Dalam konteks ini, cita-cita pembangunan Republik Demokratik Timor-Leste yang kukuh memberikan peluang kerjasama yang menjanjikan.

Brunei selama ini terus mempelbagaikan ekonomi negara dengan meningkatkan sumbangan sektor bukan minyak dan gas. Hari ini, lebih daripada 50 peratus daripada KDNK kita disumbangkan oleh sektor bukan minyak dan gas dan lebih daripada 60 peratus daripada jumlah eksport terdiri daripada sektor bukan minyak dan gas. Pencapaian ini tercermin terutamanya dalam sumbangan pelbagai sektor keutamaan di bawah Pelan Tindakan Ekonomi Brunei Darussalam. Dalam sektor tenaga dan hiliran, syarikat-syarikat Brunei mengumpulkan kepakaran yang kukuh merentasi rantaian nilai daripada perkhidmatan huluan hingga pemprosesan hiliran dan industri sokongan. Kami melihat potensi kerjasama yang kukuh ketika Republik Demokratik Timor-Leste terus membangunkan sektor petroleumnya dan membina keupayaan negara untuk keselamatan tenaga jangka panjang.

Mengenai keselamatan makanan dengan potensi pertanian Republik Demokratik Timor-Leste yang kukuh dan keupayaan NBD dalam pemprosesan dan logistik makanan terdapat ruang untuk kerjasama yang lebih erat bagi meningkatkan ketersediaan dan daya tahan makanan. Sektor akuakultur Brunei, terutamanya pengeluaran ikan dan udang, terus meningkatkan sumbangannya kepada keselamatan makanan negara dan pembangunan sektoral. Berdasarkan asas ini, kedua-dua negara boleh meneruskan perkongsian pengetahuan, pembinaan kapasiti dan perkongsian untuk mengukuhkan rantaian nilai dan meluaskan akses kepada pasaran serantau.

## WAKTU SEMBAHYANG

| MEI MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 | ISNIN | 7 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.42 | 6.28 | 7.43 |
| 26 | SELASA | 8 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.42 | 6.28 | 7.43 |
| 27 | RABU | 9 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.43 | 6.29 | 7.43 |
| 28 | KHAMIS | 10 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.43 | 6.29 | 7.44 |
| 29 | JUMAAT | 11 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.43 | 6.29 | 7.44 |
| 30 | SABTU | 12 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.43 | 6.29 | 7.44 |
| 31 | AHAD | 13 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.44 | 6.29 | 7.44 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

25 MEI 2026

### Kepentingan disiplin diri dalam kehidupan

**DISIPLIN** diri merupakan satu sikap yang sangat penting dalam kehidupan setiap individu. Disiplin bermaksud kemampuan seseorang mengawal diri, mematuhi peraturan dan melakukan sesuatu perkara dengan teratur serta bertanggungjawab. Sikap ini perlu dipupuk sejak kecil kerana disiplin menjadi kunci utama kepada kejayaan dalam pelajaran, pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat.

Dalam dunia yang semakin moden dan mencabar, individu yang mempunyai disiplin diri lebih mudah mencapai kejayaan berbanding mereka yang bersikap sambil lewa. Tanpa disiplin, seseorang akan mudah terpengaruh dengan perkara negatif dan sukar mengurus kehidupan dengan baik. Oleh itu, disiplin diri amat penting untuk membentuk peribadi yang berkualiti dan dihormati.

Sikap disiplin juga membantu seseorang mengawal emosi dan tingkah laku. Individu yang berdisiplin akan lebih berhati-hati dalam membuat keputusan dan tidak mudah bertindak mengikut perasaan. Keadaan ini dapat melahirkan insan yang matang dan berakhlak mulia.

Dalam konteks pelajar, pelajar yang berdisiplin akan sentiasa mematuhi jadual belajar, menyiapkan kerja sekolah dan memberi tumpuan semasa pembelajaran. Sikap ini membantu mereka memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Jika diterapkan hingga ke alam pekerjaan, pekerja yang berdisiplin akan lebih dihargai oleh majikan kerana mereka rajin, menepati masa dan mampu melaksanakan tugas dengan baik. Oleh itu, disiplin diri menjadi faktor penting yang menentukan kejayaan seseorang dalam kerjaya dan kehidupan.

Terdapat pelbagai cara untuk memupuk disiplin diri. Antaranya ialah menetapkan jadual harian dan mematuhi jadual tersebut dengan konsisten. Sikap menepati masa juga perlu diamalkan dalam setiap urusan.

Selain itu, ibu bapa perlu menjadi contoh yang baik kepada anak-anak kerana pendidikan disiplin bermula dari rumah. Guru-guru di sekolah juga memainkan peranan penting dalam mendidik pelajar supaya mematuhi peraturan dan menghormati orang lain.

Seseorang itu juga perlu mempunyai matlamat hidup yang jelas kerana matlamat dapat mendorong seseorang untuk lebih berusaha dan berdisiplin dalam mencapai kejayaan.

Islam juga sangat mementingkan disiplin diri. Antara buktinya ialah kewajipan menunaikan sembahyang lima waktu. Sembahyang perlu dilakukan pada waktu-waktu tertentu yang telah ditetapkan. Keadaan ini mendidik umat Islam supaya menghargai masa dan mengurus kehidupan dengan teratur.

Selain itu, ibadah puasa pada bulan Ramadan juga melatih disiplin diri. Umat Islam diwajibkan menahan diri daripada makan, minum dan melakukan perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Ibadah ini mengajar manusia tentang kesabaran, pengawalan nafsu dan kepatuhan kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, disiplin diri merupakan amalan yang sangat penting dalam kehidupan dan pada masa yang sama membantu membentuk keperibadian yang baik, mencapai kejayaan dan mewujudkan masyarakat yang harmoni. Setiap individu perlu berusaha memupuk disiplin diri sejak kecil agar dapat menjadi insan yang berjaya dan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Dengan adanya disiplin diri, kehidupan akan menjadi lebih teratur, aman dan sejahtera. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERKENAN MENERIMA MENGADAP



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik (atas). Manakala gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan salam mesra bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke NBD, Tuan Yang Terutama Abdulla Hamad A.A. Al-Marri.**



**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 23 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu.

Seramai empat Ketua-ketua Perwakilan NBD ke negara sahabat yang mengadap Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berlangsung di Qashr Al-Meezan iaitu Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Belgium, Tuan Yang Terutama Mohammad Shafiee bin Haji Kassim; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Haji Khairur Rizal bin Haji Abdul Majid dan Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Australia, Puan Yang Terutama Dayangku Nooraslena binti Pengiran Dato Paduka Haji Sallehuddin.

Sementara itu, lima lagi Ketua-ketua Perwakilan negara sahabat ke NBD terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke NBD, Tuan Yang Terutama Abdulla Hamad A.A. Al-Marri; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh A.M. Alshiha; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke NBD, Tuan Yang Terutama Nawaf Fahad Alsaied.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baharu dan juga menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke NBD di Istana Nurul Iman berlangsung pada 12 Mei 2026 lalu.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

**DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh A.M. Alshiha dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon (kanan dan kanan sekali).**









**DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke NBD, Tuan Yang Terutama Nawaf Fahad Alsaied (kiri sekali dan kiri).**

# LAWATAN RASMI TEROKA PELUANG KERJASAMA MMN, PARLIMEN REPUBLIK SINGAPURA

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**





**YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah mengadakan Lawatan Rasmi ke Republik Singapura atas undangan Yang Berhormat Speaker of the Parliament of Singapore. Turut serta, empat orang Ahli-ahli MMN (kiri dan atas).**

**REPUBLIK SINGAPURA**, Sabtu, 23 Mei. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib baru-baru ini telah mengadakan Lawatan Rasmi ke Republik Singapura atas undangan Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut disertai oleh empat orang Ahli-ahli MMN, iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Lawatan Rasmi dimulakan dengan Kunjungan Hormat kepada Yang Berhormat Seah Kian Peng dan lawatan ke Parliament of Singapore pada Rabu, 20 Mei 2026.

Semasa Kunjungan Hormat tersebut, kedua-dua pihak membincangkan usaha memperkukuh hubungan baik antara MMN dan Parlimen Republik Singapura, termasuk meneroka peluang bagi pertukaran lawatan bagi meningkatkan kerjasama, kefahaman tadbir urus serta keutamaan masing-masing.

Perbincangan turut menyentuh beberapa perkara berkepentingan bersama termasuk usaha meningkatkan akses dan penglibatan masyarakat terhadap institusi parlimen, serta kepentingan meningkatkan keselamatan makanan melalui teknologi pertanian dan makanan (*agritech food*).

Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk meneroka potensi penubuhan Jalinan Persahabatan antara MMN dan Parlimen Republik Singapura (Friendship Group between the Legislative Council of Brunei Darussalam and Parliament of Singapore) bagi memperkukuhkan hubungan erat dan kerjasama antara kedua-dua parlimen.

Pada Khamis, 21 Mei 2026, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN seterusnya mengadakan Kunjungan Hormat kepada Perdana Menteri Republik Singapura di Istana, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

Perbincangan memberi tumpuan kepada pertukaran pandangan mengenai usaha mengukuhkan lagi hubungan baik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Sepanjang Lawatan Rasmi tersebut, Ahli-ahli MMN turut berpeluang melawat beberapa tempat strategik termasuk Singapore City Gallery, Urban Redevelopment Authority.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN juga berkesempatan mengadakan lawatan ke Wisma Geylang Serai dan Pasar Geylang Serai (Geylang Serai Market) bersama Yang Berhormat Speaker of the Parliament of Singapore.

Lawatan Rasmi ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuhkan hubungan dua hala serta kerjasama dan persahabatan antara parlimen kedua-dua negara.

Lawatan ini turut menjadi platform bagi pertukaran pandangan, pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang berkaitan parlimen, tadbir urus, dasar awam dan hal ehwal perundangan sekali gus meningkatkan persefahaman serta mengeratkan hubungan antara kedua-dua pihak.

# Melahirkan generasi berilmu, berakhlak mulia



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi Program Perkhemahan Husnul Khuluqi bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.**



**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BERAKAS**, Ahad, 24 Mei. - Dalam usaha menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar negara melahirkan generasi muda yang berilmu, berkemahiran, dan berakhlak mulia, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan usaha sama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menganjurkan Program Perkhemahan Husnul Khuluqi bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Program yang berlangsung selama empat hari tiga malam bermula 21 hingga 24 Mei 2026 itu mengambil tempat di Perkampungan Sukan dan Padang Kawad, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dayang Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, KHEU, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin serta para pegawai kanan daripada ketiga-tiga kementerian, para ibu bapa dan penjaga peserta-peserta perkhemahan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Bersama Majlis, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Acara turut diserikan dengan tayangan video, ucapan wakil peserta dan kemudiannya penyampaian sijil kepada para peserta serta penerima anugerah khas yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Program Perkhemahan Husnul Khuluqi merupakan sebuah platform pembangunan sahsiah dan pemerkasaan pelajar yang dirangka khusus bagi membentuk peribadi muslim yang cemerlang, berakhlak mulia serta berteraskan nilai-nilai Islam.

Antara objektif utama program perkhemahan tersebut adalah bagi mendukung usaha ke arah pencapaian Matlamat 1 dan Matlamat 2 Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

Selain untuk memastikan Kehidupan Rakyat yang Berkualiti Tinggi; membentuk peribadi Muslim yang cemerlang melalui pendekatan tarbiah Islamiah; serta Membentuk jati diri remaja agar mengamalkan gaya hidup sihat dan menjauhi tingkah laku berisiko.

Di samping itu ia juga bagi memberikan pendedahan mengenai kepentingan kesihatan fizikal dan mental, kemahiran hidup, serta langkah menghindari pengaruh negatif; dan meningkatkan potensi dan keyakinan diri dalam mengembangkan kemahiran sosial, komunikasi dan kepimpinan.

Program Perkhemahan Husnul Khuluqi Kali Kedua yang bertemakan 'Kesejahteraan Minda: Untukku dan Untukmu' ini dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada pendekatan tarbiah Islamiah secara holistik melalui pelbagai aktiviti pembangunan rohani, pembinaan jati diri dan pengukuhan sahsiah dalam kalangan peserta bagi meningkatkan potensi remaja, khususnya dalam membina keyakinan diri serta memperkembangkan kemahiran sosial, komunikasi dan kepimpinan.

Sehubungan itu, bagi meraikan seramai 40 pelajar dari persekolahan arab dan ugama yang menyertai perkhemahan tersebut, Majlis Penutup Program Perkhemahan Husnul Khuluqi diadakan petang tadi di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Kampung Pulaie.

Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Pengajian Islam, KHEU; Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; dan Jabatan Belia dan Sukan, KKBS dengan sokongan beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkepentingan.

# HAYATI KEHEBATAN LAFAZ TALBIAH



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Menyemarakkan acara munajat minggu ini ialah para jemaah haji negara yang kini berada di Tanah Suci Makkah Al-Mukarramah, pelajar-pelajar Perkhemahan Husnul Khuluqi 2026, Ahli Jawatankuasa Takmir, para belia dan jemaah dari beberapa buah masjid di seluruh negara.

Turut menyertai, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; serta warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyertai secara maya menyerikan Malam Munajat Kali Ke-230 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama.**

Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar, jemaah haji yang mengikuti Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, jemaah haji Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, jemaah haji Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Pelajar-pelajar Perkhemahan Husnul Khuluqi 2026 anjuran bersama Jabatan Pengajian Islam, KHEU; Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; dan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dari Perkampungan Sukan dan Padang Kawad, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Pulaie.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: *http://tiny.cc/munajatkheu*.

# UNISSA anjur Majlis Makan Malam Undang-undang Tahunan





**YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Undang-undang Tahunan 2026 yang berlangsung di Tarindak D'Seni, Jalan Residency (atas). Manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.**

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 23 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menganjurkan Majlis Makan Malam Undang-undang Tahunan 2026 yang berlangsung di Tarindak D'Seni, Jalan Residency, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib. Turut hadir, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bersama para pegawai eksekutif dan pegawai utama universiti.

Penganjuran majlis tersebut merupakan program tahunan bagi pelajar Tahun 3 dan Tahun 5 Program Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan Sarjana Muda Perundangan Syariah (BSL).

Program ini bertujuan menjadi platform dalam memperkukuhkan jaringan profesional antara pelajar dan pengamal industri perundangan, di samping memberi peluang kepada para pelajar untuk bertukar pandangan, berkongsi pengalaman serta menimba pengetahuan berkaitan bidang guaman dan perundangan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Muhammad Aiman Afif bin Haji Sanip, pelajar Tahun 5 Program Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan Sarjana Muda Perundangan Syariah (BSL).

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Dekan Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Profesor Madya Dr. Ahmad Masum, diikuti ucapan daripada tetamu kehormat majlis. Majlis turut diserikan dengan beberapa persembahan daripada para pelajar Tahun 3 dan Tahun 5 fakulti berkenaan.

Majlis berkenaan dihadiri oleh para pelajar Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta jemputan khas yang terdiri daripada wakil pelbagai agensi perundangan dan jabatan kerajaan di negara ini.




**ANTARA persembahan pada majlis tersebut.**

# KOMITED LAKSANAKAN PROGRAM PEMULIHAN BANDUAN SECARA HOLISTIK

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman




YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap di Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-72, Tahun 2026.

>> Muka 1

*Desistance* dalam konteks kriminologi dan sistem penjara adalah merujuk kepada proses seseorang individu berhenti daripada terlibat dalam tingkah laku jenayah dan secara beransur - ansur kembali menjalani kehidupan yang positif serta diterima masyarakat.

Setentunya usaha sedemikian, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, menuntut komitmen yang berterusan daripada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Penjara, di samping sokongan serta kerjasama berterusan daripada pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan melalui pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation dan yang penting sekali adalah dari ahli keluarga.

Program pemulihan yang dimaksudkan terang Yang Berhormat lagi, turut memfokuskan kepada pelaksanaan program akademik yang memberi peluang kepada para banduan untuk meneruskan pembelajaran mereka.

Dalam hubungan ini, Jabatan Penjara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, baru-baru ini telah memberi peluang kepada seramai 32 orang banduan tempatan untuk menduduki peperiksaan GCE 'O' Level.

"Usaha ini mencerminkan komitmen jabatan dalam memastikan sinar ilmu tidak terhenti walaupun mereka berada di sebalik tembok penjara," ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam usaha memperkasa program pemulihan dari aspek keagamaan dan kerohanian, khususnya Program Hafazan Al-Quran yang telah diperkenalkan sejak tahun 2014 melalui kerjasama Pusat Pembangunan dan Pembelajaran Al-Quran (PPPQ), MABIMS; Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Aftercare Support Association (AFSA), Yang Berhormat sukacita menyarankan agar Jabatan Penjara meneliti semula insentif di bawah Skim Tasmie' Menghafaz Al-Quran bagi menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam kalangan banduan tempatan, di samping memastikan pelan latihan yang lebih terancang serta bimbingan yang berterusan.

Yang Berhormat juga menjelaskan pada masa ini, Jabatan Penjara telah menjalinkan kerjasama dengan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu dengan melaksanakan program vokasional menenun kain bagi tujuan memelihara dan memperkukuh warisan seni pertukangan tangan Brunei di samping mempersiapkan para banduan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah keluar dari pemenjaraan nanti.

"Setakat ini, seramai empat orang banduan telah mengikuti program tersebut," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga turut menghargai kerjasama berterusan pihak swasta dalam menjayakan program pemulihan, seperti Program Upskilling yang melibatkan seramai empat orang banduan tempatan yang berjaya mengikuti Kursus Kemahiran Rigger, manakala enam orang lagi telah berjaya mengikuti Kursus Scaffolding. Selain itu, seorang Rakan Seliaan telah turut berjaya mengikuti program Heavy Goods Transport (HGT) sejurus selepas dibebaskan.

Di samping itu jelas Yang Berhormat, Projek Pertanian dan Penanaman Padi dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Bank Islam Brunei Darussalam wajar diperkasakan sebagai salah satu program pemulihan yang berdaya maju dalam menyahut inisiatif kerajaan untuk mengembangkan sektor berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan Jabatan Penjara juga telah giat melaksanakan pelbagai Program Kemasyarakatan di keempat-empat buah daerah sepanjang tahun 2025 dengan penglibatan para sukarelawan daripada UNISSA, KUPU SB dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, anggota masyarakat, syarikat swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta agensi-agensi kerajaan.

Kerjasama pelbagai pihak ini tambahnya, diharap akan menjadi pemangkin kepada kejayaan usaha pemulihan yang lebih inklusif dan berkesan.

Di peringkat serantau pula terang Yang Berhormat, susulan pemeteraian Triti Pemindahan Banduan Antarabangsa (International Transfer of Prisoners Treaty - ITOP) di Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2023 yang lalu, pemindahan seramai enam orang banduan warganegara Malaysia telah berjaya dilaksanakan pada Ogos tahun lalu di mana inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia malah turut mencerminkan komitmen bersama dalam menjaga kebajikan banduan serta memperkukuh proses pengintegrasian semula ke negara asal.

# Terus memperkukuh pembangunan sumber manusia Jabatan Penjara

Oleh : Khartini Hamir

**MARABURONG**, Sabtu, 23 Mei. - Skim Perkhidmatan Jabatan Penjara yang baharu yang melibatkan pengemaskinian sukatan tangga gaji telah mendapat kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 September 2025.

Pengemaskinian ini merupakan satu langkah penting ke arah memperkukuh pembangunan sumber manusia Jabatan Penjara melalui penyediaan laluan kerjaya yang lebih terbuka, tersusun dan progresif, di samping memperkenalkan struktur remunerasi yang lebih kompetitif serta bersesuaian dengan tahap tanggungjawab, risiko dan beban tugas yang dipikul oleh warga Jabatan Penjara.

Perkara itu disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap di Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-72 Tahun 2026 bertempat di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara, pagi tadi.

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita menasihatkan kepada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Penjara selaku anggota beruniform untuk sentiasa mengekalkan tahap profesionalisme, disiplin, akauntabiliti dan integriti yang tinggi serta menjauhkan diri daripada sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan nama baik semua dan nama baik jabatan.

"Jabatan dan kementerian akan mengambil tindakan tegas tanpa kompromi terhadap mana-mana pegawai atau anggota yang didapati melanggar undang-undang, menyalahgunakan kuasa serta terlibat dalam salah laku atau mencemarkan integriti dan imej Jabatan Penjara," tegas Yang Berhormat.

Justeru, sempena Ulang Tahun Penubuhan yang Ke-72 ini, Yang Berhormat menganjurkan untuk sama-sama berdoa agar Jabatan Penjara akan terus diberikan hidayah, ketabahan dan kekuatan dalam melaksanakan amanah yang dipikul dengan cemerlang demi keamanan, kestabilan dan keharmonian Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

Seterusnya membacakan Surah Al-Fatihah kepada anggota-anggota Jabatan Penjara yang telah kembali ke rahmatullah, dan mendoakan semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama para syuhada dan solihin, Amin Ya Rabbal Alamin.

Terdahulu dalam ucapannya, Yang Berhormat menggariskan sambutan hari ini diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap jasa, pengorbanan dan pencapaian seluruh warga Jabatan Penjara yang telah menabur bakti dengan penuh komitmen selaras dengan amanah yang dipertanggungjawabkan demi keselamatan dan kesejahteraan negara.

Yang Berhormat turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Penjara atas pelaksanaan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi serta komitmen yang telah dicurahkan sepanjang lebih tujuh dekad dalam memastikan peranan jabatan ini sentiasa relevan dan berkesan dalam sistem keadilan jenayah serta keselamatan negara.




# MAJLIS PERBARISAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENJARA




Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku tetamu kehormat majlis memeriksa perbarisan anggota Jabatan Penjara dan seterusnya menyampaikan anugerah cemerlang kepada para penerima (kiri dan atas).

**MARABURONG**, Sabtu, 23 Mei. - Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-72 Tahun 2026 berlangsung pagi tadi bertempat di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan anggota Jabatan Penjara oleh tetamu kehormat, dan seterusnya diikuti dengan ucapan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-72 Tahun 2026.

Di majlis berkenaan, tetamu kehormat seterusnya berkesudian menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara bagi Tahun 2026 dan Penyampaian Lencana Brunei Prison Self Defence (BPSD).

Bagi memberkati majlis Doa Selamat telah dibacakan oleh Guru Ugama Penjara Maraburong Fasa III, Awang Mohammad Yusri bin Othman.

Tetamu kehormat dan para jemputan yang hadir seterusnya beredar bagi meninjau Tapak Perasmian Padi di Institusi Penjara Maraburong Fasa III.

Yang Berhormat juga turut berkesudian melawat Kawasan Projek Tanaman Buah-buahan dan menanam pohon durian 'Black Thorn' di tempat yang dikhaskan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, ketua-ketua jabatan, serta ketua-ketua cawangan daripada agensi-agensi kerajaan Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan para jemputan khas lain.

Dalam temu bual bersama salah seorang penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara, Wadar 748 Awang Mohammad Asri bin Ahmad dari Unit Gerakan Khas, Jabatan Penjara Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa syukur atas penganugerahan tersebut dan menjadikannya sebagai pembakar semangat untuk terus berkhidmat dengan lebih baik, serta berusaha untuk meningkatkan kualiti dan prestasi kerja dengan lebih mampan.

Beliau yang mula berkhidmat di Jabatan Penjara sejak tahun 2011 menyuarakan antara cabaran terbesar yang pernah beliau hadapi ialah ketika perlu mengimbangi ketegasan dan ihsan semasa mengurus penghuni, selain turut berkongsi kunci utama untuk menjadi seorang anggota yang cemerlang perlu ada motivasi tinggi, berpotensi, cekal, berintegriti, berdisiplin dan amanah.

"Untuk terus berdisiplin dan komited, perlulah mengikuti tatacara dan SOP kerja yang betul, mematuhi arahan-arahan dari pihak atasan, tepat masa dan menganggap tugas ini sebagai amanah kepada negara," ujarnya.

Walaupun adakalanya terpaksa berkorban masa untuk bersama keluarga kerana tugas dan kecemasan, namun beliau terus menerima pelbagai sokongan dari keluarga untuk tetap cekal dan tabah dalam menjalankan tugas harian dengan tenang.

Beliau juga melihat bahawa menjaga keselamatan melalui kawalan selamat dan program pemulihan untuk mengurangkan jenayah berulang adalah antara peranan Jabatan Penjara dalam memastikan keselamatan masyarakat masa kini.

Dalam pada itu, Wadar 748 Awang Mohammad Asri turut melahirkan nasihat kepada para anggota muda yang baru berkhidmat di Jabatan Penjara untuk sentiasa kekal berdisiplin, sabar, meraih pengalaman serta belajar dari para senior dan berusaha meningkatkan prestasi kerja dari semasa ke semasa.

Sementara Penyelia Pejabat selaku Ketua Unit Pentadbiran Jabatan Penjara, Awang Mohamad Hamri bin Awang Haji Hussin juga turut melahirkan rasa syukur di atas penganugerahan tersebut, dan menyarankan untuk terus berdedikasi serta komited dengan tugas masing-masing di samping turut menjaga integriti jabatan.

# Perasmian tapak projek penanaman padi di Institusi Penjara Maraburong Fasa III






YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir menyempurnakan majlis Perasmian Tapak Projek Penanaman Padi di Institusi Penjara Maraburong Fasa III (atas kiri dan atas).

**MARABURONG**, Sabtu, 23 Mei. - Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-72 Tahun 2026, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman pagi tadi menyempurnakan Perasmian Tapak Projek Penanaman Padi di Institusi Penjara Maraburong Fasa III.

Jabatan Penjara melaksanakan program pekerjaan yang dapat memberikan peluang kepada para penghuni untuk meningkatkan kemahiran dan menimba pengalaman, khususnya dalam bidang pertanian.

Pada Februari 2026, kaji selidik tanah telah dijalankan bersama Unit Sains dan Nutrien, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, di mana hasil kajian mendapati bahawa kawasan yang dipilih adalah sesuai untuk dijadikan tapak projek penanaman padi jenis *hybrid*.

Pelaksanaan projek melibatkan pegawai dan penghuni dari Penjara Maraburong Fasa I dan Fasa III iaitu: tiga orang Pegawai Penjara dari Penjara Maraburong Fasa I; tiga orang Pegawai Penjara dari Penjara Maraburong Fasa III; dua orang penghuni dari Penjara Maraburong Fasa I; dan dua orang penghuni dari Penjara Maraburong Fasa III.

Keluasan tapak projek penanaman padi ini adalah kira-kira 1.5 hektar.

Antara inisiatif penanaman padi ini bertujuan untuk memberikan pembelajaran dan pengalaman praktikal kepada para penghuni dalam bidang pertanian serta membentuk kemahiran yang bermanfaat sebagai persediaan untuk kehidupan setelah keluar kelak.

Selain itu, projek ini juga dihasratkan dapat membantu penghuni menjana sumber pendapatan pada masa hadapan serta menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan masyarakat yang berkemahiran dan berpendidikan.

Projek ini dilaksanakan melalui kerjasama antara Jabatan Penjara bersama Bank Islam Brunei Darussalam serta Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

# PELEPASAN BENIH UDANG GALAH KE SUNGAI TEMBURONG





**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir menyempurnakan pelancaran Program Pelepasan Benih Udang Galah. Turut hadir ialah Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan dari KSSUP dan wakil dari pelbagai agensi kerajaan (atas dan atas kanan).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**>> Muka 1**

Turut hadir ialah Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan dari KSSUP dan wakil dari pelbagai agensi kerajaan.

Program Pelepasan Benih Udang Galah ke dalam perairan negara ini lazimnya dijalankan sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Perikanan, KSSUP untuk memulihkan dan meningkatkan populasi udang galah dalam habitat semula jadi, yang pada masa ini terancam akibat penangkapan berlebihan dan faktor alam sekitar.

Udang galah memainkan peranan penting dalam ekosistem air tawar, khususnya dalam mengekalkan keseimbangan rantaian makanan dan kestabilan biodiversiti sungai.

Selain menjadi spesies bernilai tinggi, udang galah juga merupakan sumber makanan penting bagi komuniti setempat, khususnya di Daerah Temburong yang mempunyai hubungan rapat dengan sumber perikanan air tawar.

Program ini melibatkan aktiviti pelepasan semula (*restocking*) benih udang galah yang telah dihasilkan di Jabatan Perikanan ke dalam perairan Negara Brunei Darussalam yang dikenal pasti bersesuaian.

Proses pelepasan benih dilaksanakan secara terancang dan saintifik, termasuk pemilihan lokasi yang sesuai, pemantauan kualiti air serta saiz benih yang optimum, bagi memastikan kadar kelangsungan hidup spesies tersebut berada pada tahap yang tinggi setelah pelepasan.

Inisiatif ini dapat membantu memelihara keseimbangan ekosistem sungai serta memperkukuh kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan sumber akuatik.

Jabatan ini mensasarkan pelepasan sebanyak 100,000 ekor benih udang galah setiap tahun melalui Program Pelepasan Benih Udang Galah, dan sebanyak 596,300 ekor benih udang galah telah berjaya dilepaskan ke kawasan perairan Daerah Temburong dan Tutong sejak tahun 2022.

Program ini dilakukan secara berterusan oleh pihak jabatan agar populasi udang galah dapat dipulihkan dan seterusnya memberi manfaat kepada komuniti yang bergantung kepada hasil perikanan sebagai sumber pendapatan dan bekalan makanan.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Temasek Life Sciences Laboratory (TLL), Republik Singapura telah melaksanakan satu kajian dari tahun 2024 hingga 2025 bagi menilai kepelbagaian serta variasi genetik populasi udang galah di negara ini.

Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa populasi udang galah di perairan Negara Brunei Darussalam masih berada dalam keadaan sihat dari segi genetik.

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa inisiatif pelepasan semula benih udang galah yang dilaksanakan adalah selaras dengan matlamat jabatan dalam memastikan kelestarian sumber perikanan air tawar serta berjaya mengekalkan kepelbagaian genetik populasi udang galah dalam habitat semula jadi.

KSSUP melalui Jabatan Perikanan akan terus menyokong amalan lestari serta pemuliharaan sumber marin negara demi generasi akan datang melalui program seumpama ini yang turut mencerminkan komitmen berterusan dalam pemuliharaan sumber akuatik secara mampan.

Program ini merupakan salah satu aktiviti sampingan bersempena 'Brunei Darussalam Expedition and Conference on Sustaining Our Oceans: Innovation, Governance and Resilience For A Blue Future' yang diadakan pada bulan Mei dan Jun 2026.

# 56 pegawai, kakitangan MTIC terima Pingat Kerja Lama





**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir menyempurnakan penyampaian Pingat-pingat Kehormatan pada majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Jade Garden, Level 2, The Centrepoint Hotel (atas dan kanan).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**GADONG**, Sabtu, 23 Mei. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) telah mengadakan Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Pingat Kerja Lama (P.K.L) Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun kepada seramai 56 orang penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis berkenaan diadakan di Jade Garden, Level 2, The Centrepoint Hotel.

Penyampaian Pingat-pingat Kehormatan tersebut disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua eksekutif dan ketua-ketua jabatan serta ketua bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada pegawai dan kakitangan yang telah menabur bakti serta berkhidmat lebih daripada 20 tahun dalam perkhidmatan awam.

Pengurniaan berkenaan juga mencerminkan penghormatan terhadap jasa, dedikasi dan komitmen para penerima dalam menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara, khususnya dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi.

Selain itu, majlis berkenaan turut dihasratkan menjadi sumber inspirasi dan pembakar semangat kepada seluruh warga MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk terus memperkukuhkan budaya kerja cemerlang, meningkatkan profesionalisme serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti demi mendukung aspirasi negara ke arah masa depan yang lebih progresif dan berdaya tahan.

# Terus memperkukuh sistem kesihatan berdaya tahan, saksama

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**GENEVA, SWITZERLAND**, Ahad, 24 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) berserta negara-negara anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) menyertai Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-79 (WHA79), yang sedang berlangsung pada 18 hingga 23 Mei 2026, di Geneva, Switzerland bagi membincangkan isu-isu keutamaan kesihatan awam dan membentuk hala tuju dasar kesihatan global.

Delegasi NBD diketuai oleh Wakil Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, Puan Yang Terutama Dayangku Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee, dan disertai oleh beberapa pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Perhimpunan tahun ini bertemakan 'Membentuk Semula Kesihatan Global : Tanggungjawab Bersama' (Reshaping Global Health: A Shared Responsibility), dan semasa sesi plenari, Puan Yang Terutama Dayangku Mazlizah telah pun menyatakan bahawa walaupun beberapa pencapaian telah pun diraih seperti yang dihuraikan di dalam Results Report 2025 dibawah WHO 13th General Programme of Work, namun masih terdapat jurang yang boleh menyebabkan pencapaian Sustainable Development Goals berkaitan kesihatan menjelang 2030 tersasar.

Penularan Hantavirus dan pengisytiharan kecemasan kesihatan awam Public Health Emergency of International Concern baru-baru ini bagi wabak Ebola, mengingatkan dunia bahawa tiada negara yang dapat dilindungi sepenuhnya secara berasingan, dan bertepatan masanya dengan tema perhimpunan tahun ini.

NBD telah pun mengetengahkan tiga keutamaan, iaitu bagi memperkukuh pembiayaan kesihatan global yang mampan dan fleksibel bagi memastikan WHO terus responsif serta berkesan, dan menerapkan pemantauan berasaskan Kecerdasan Buatan



**PUAN Yang Terutama Dayangku Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee mengetuai delegasi NBD pada Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-79, yang telah berlangsung pada 18 hingga 23 Mei 2026, di Geneva, Switzerland.**

(AI), platform kesihatan digital dan risikan wabak masa nyata sebagai pelaburan teras kesihatan awam.

Seterusnya, NBD juga menegaskan bahawa keselamatan kesihatan harus dibina berasaskan kepercayaan dan walaupun masa tambahan diperlukan untuk memuktamadkan rundingan Pathogen Access and Benefit-Sharing Annex, kepentingan dialog dan kerjasama multilateral untuk akses yang saksama bagi memanfaatkan sains, teknologi dan tindak balas pandemik perlu dimantapkan.

Pencegahan sebagai asas sistem kesihatan yang berdaya tahan perlu diteruskan, terutamanya melalui imunisasi dan penjagaan kesihatan asasi, dengan NBD telah pun mengenalkan vaksin pneumokokal konjugat ke dalam Program Imunisasi Kebangsaan (Expanded Programme on Immunization - EPI) serta vaksin TDAP (Tetanus, Diphtheria, and Acellular Pertussis) untuk ibu-ibu mengandung bagi melindungi golongan *vulnerable* dan mengukuhkan keyakinan masyarakat.

WHA79 kali ini turut membincangkan pelbagai isu kesihatan awam dan global yang penting termasuk berkaitan program belanjawan dan urus tadbir, isu-isu kritikal termasuk penyakit tidak berjangkit, serta kesiapsiagaan dan tindak balas pandemik kepada kecemasan kesihatan, Agenda Imunisasi 2030, Liputan Kesihatan Sejagat 2 (Universal Health Coverage), kekebalan antimikrobial, pengukuhan seni bina kesihatan global, pembiayaan mampan kesihatan, transformasi kesihatan digital, serta akses kepada ubat dan teknologi kesihatan.

Penyertaan NBD di perhimpunan berkenaan menunjukkan komitmen berterusan negara terhadap kerjasama kesihatan antarabangsa, solidariti global, serta tindakan bersama dalam memperkukuh sistem kesihatan yang berdaya tahan dan saksama, untuk memajukan keutamaan kesihatan negara di samping meneroka peluang inovasi, pembangunan kapasiti, dan penyelarasan dasar selaras dengan amalan kesihatan terbaik global.




# MEMARTABATKAN WARISAN BUDAYA DALAM KALANGAN MASYARAKAT




**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan majlis perasmian tersebut.**

**Berita dan Foto : Ak Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**TUTONG**, Sabtu, 23 Mei. - Majlis Perasmian Minggu Warisan dan Klasik Daerah Tutong yang diadakan selama dua hari bermula pada hari ini telah sempurna dirasmikan pagi tadi, bertempat di hadapan bangunan Mahkamah Lama, Tutong, di sini.

Acara berkenaan merupakan anjuran bersama Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Daerah Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong, dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Tutong, Tutong Buzz, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan dan Sukarelawan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Ketua Imam Masjid Kampung Kupang, Tutong, Awang Haji Sahran bin Haji Mohd. Safar, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong, Pengiran Mahdini bin Pengiran Haji Ali selaku Pengerusi Majlis.

Minggu Warisan dan Klasik Daerah Tutong merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk memartabatkan warisan budaya serta elemen klasik yang menarik minat para penggemar barangan antik dan klasik di Daerah Tutong.

Acara ini menampilkan keunikan tradisi tempatan melalui pelbagai pengisian yang merangkumi pameran barangan lama dan klasik seperti perhiasan tradisional, peralatan rumah lama, peralatan muzik tradisional, jam antik, alat mesin klasik serta pelbagai artifak bersejarah yang mencerminkan nilai sejarah dan warisan masyarakat setempat.

Selaras dengan matlamat penganjurannya, acara ini akan mengetengahkan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat termasuk penggiat seni, usahawan tempatan dan komuniti kampung dalam usaha menghidupkan semula warisan lama agar terus relevan dan dihargai oleh generasi masa kini.

Acara yang diadakan di kawasan Tutong Culture Street merupakan sebuah lokasi strategik yang berpotensi untuk terus dibangunkan sebagai destinasi pelancongan berteraskan budaya di Pekan Tutong yang pada kali ini turut melibatkan seramai 12 orang individu yang mempamerkan koleksi barang antik di acara ini.

Pada masa yang sama beberapa acara sampingan juga diadakan seperti Tutong Buzz turut diadakan pada 21 Mei sehingga 24 Mei 2026, bermula jam 2 petang hingga 10 malam.

Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan dan kesenian pada 23 Mei 2026, bermula jam 2 petang hingga 5 petang dan pada 24 Mei 2026, bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

Minggu Warisan dan Klasik dianjurkan dengan matlamat untuk memelihara serta mengangkat warisan budaya dan koleksi klasik agar terus dihargai dan tidak luput ditelan zaman.

Acara ini turut berperanan sebagai platform kepada para penggemar dan pengumpul untuk mempamerkan koleksi antik dan klasik mereka kepada orang ramai.

Di samping itu, penganjuran ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya dalam kalangan generasi muda, mengenai nilai sejarah serta kepentingan memelihara warisan lama.

Selain itu, program ini juga menggalakkan penglibatan aktif komuniti tempatan dalam pelbagai aktiviti berteraskan budaya dan warisan. Penganjuran Minggu Warisan dan Klasik diharap dapat menghidupkan suasana Pekan Tutong sebagai pusat aktiviti kebudayaan dan pelancongan, di samping menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan melalui penyertaan peniaga serta usahawan kecil.

Secara keseluruhannya, acara antara lain berperanan sebagai wadah untuk mewujudkan ruang interaksi sosial dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti yang berunsurkan warisan dan klasik.

Juga hadir, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Awang Haji Adanan; Ketua Pegawai Eksekutif Badan Kemajuan Kreatif Daerah Tutong, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali; serta ketua-ketua kampung dan ahli jawatankuasa yang terlibat.

# Memperluaskan penyampaian dakwah, pendidikan Islam secara lebih inklusif



SETIAUSAHA Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para penerima (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



**BERAKAS**, Ahad, 24 Mei. - Seramai 27 peserta yang terdiri daripada warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berjaya menamatkan Kursus Bahasa Isyarat yang dianjurkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran dengan kerjasama Persatuan Bahasa Isyarat - Jurulatih Kitani (BI - JAK).

Kursus yang berlangsung bermula September 2025 hingga Februari 2026 berkenaan merangkumi Pengenalan Bahasa Isyarat Tahap 1, Penguasaan Bahasa Isyarat Tahap 2 dan diakhiri dengan Jurubahasa Isyarat Tahap 3.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta kursus telah diadakan baru-baru ini bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis/Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Penganjuran kursus berkenaan merupakan salah satu inisiatif kementerian dalam memperluaskan penyampaian dakwah dan pendidikan Islam secara lebih inklusif melalui pelbagai medium komunikasi termasuk penggunaan bahasa isyarat, agar golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) tidak tercicir daripada menerima ilmu dan bimbingan agama.

Melalui penguasaan bahasa isyarat juga, para peserta berpeluang meningkatkan kemahiran komunikasi dalam pelaksanaan aktiviti dakwah seperti ceramah, kuliah dan kelas pengajian agama.

Selain itu, kursus berkenaan bertujuan menggalakkan penglibatan aktif komuniti berkeperluan khas dalam program-program keagamaan di samping mendukung aspirasi Negara Zikir melalui pendekatan dakwah yang inklusif dan berkesan.

Kementerian turut berharap penganjuran kursus seumpama berkenaan akan terus memperkukuh penyampaian ilmu agama kepada seluruh lapisan masyarakat serta mengeratkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan komuniti berkeperluan khas.

# MEMPERKASA KEGIATAN SASTERA TANAH AIR



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat di acara berkenaan (atas dan bawah).

**BERAKAS**, Sabtu, 23 Mei. - Sebagai usaha berterusan dalam mengembangkan kegiatan sastera di Negara Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah telah menganjurkan Pantaran Sastera DBP: Bedah Karya I, 2026.

Acara tersebut berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP dan turut disiarkan secara langsung menerusi platform media sosial DBP bagi membolehkan orang ramai mengikuti acara berkenaan secara dalam talian.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab semasa menyampaikan ucapannya selaku Pengerusi Majlis menjelaskan bahawa Pantaran Sastera merupakan salah satu wadah penting DBP dalam memperkasa kegiatan sastera tanah air.

Menurut beliau, program tersebut bukan sahaja berperanan sebagai medan intelektual, malah turut menghimpunkan para penulis, pengkaji, mahasiswa dan peminat sastera untuk berkongsi pandangan, pengalaman serta dapatan kajian terhadap karya-karya sastera.

Beliau turut menambah bahawa melalui sesi bedah karya, program tersebut membuka peluang untuk menelusuri makna tersirat dan tersurat dalam sesebuah karya, memahami pendekatan pengarang serta menilai nilai estetika dan pemikiran yang diketengahkan.

Majlis kemudian diteruskan dengan sesi Bedah Karya yang disampaikan oleh Pegawai Penyelidik, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awang Mohammad Khairol Nazwan bin Haji Karim yang juga merupakan Penerima Penghargaan Aktivis Sastera Tanah Air 2015 dan Alumni Program Penulisan Mastera 2014.

Dalam sesi tersebut, beliau membicarakan novel 'Hadiyatul Haramain' hasil karya Ana July.

Selain mengangkat martabat Bahasa Melayu melalui kegiatan sastera, program berkenaan turut bertujuan mengapresiasi karya sastera tempatan serta meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap perkembangan sastera tanah air.

Di samping itu, program tersebut juga diharap dapat menjadi sumber rujukan dan panduan kepada para pelajar serta peminat sastera, sekali gus memperkaya ilmu pengetahuan dalam bidang sastera yang dibicarakan.

Hadir sama ke majlis berkenaan ialah para pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya, para penerima The S.E.A. Write Award, aktivis sastera, penggiat seni tempatan serta orang ramai.

# DBP lancar 7 buku baharu

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**BERAKAS**, Sabtu, 23 Mei. - Tujuh buah buku terbaharu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dilancarkan pagi tadi dalam satu majlis yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, di sini.

Pelancaran buku-buku tersebut disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah selaku tetamu kehormat majlis.

Buku-buku yang dilancarkan merangkumi empat buah karya sastera iaitu 'Bila Berombak' karya Muhammad Shah Rezza Abdul Aziz @ Rekan Lagat (Rezza); 'Kumpulan Cerpen Ular dalam Tubuhku' karya H. MAR; 'Kumpulan Sajak Kugiring hingga ke Perdu Senja' karya Abdullah Tahir serta 'Kumpulan Sajak Siratku Baru Bermula' karya Atin Aswana.

Turut dilancarkan ialah tiga buah buku cerita kanak-kanak iaitu 'Nasihat Ibu kepada Jimin' karya Awangku Md. Nur Safiuddin Pengiran Haji Harun; 'Asal Usul Kampung Belais' karya Sabariah Haji Mohamad; dan 'Raja Rangit' karya Pengiran Mohamad Pengiran Damit.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat turut menyampaikan sijil penghargaan kepada para penulis buku yang baharu dilancarkan sebagai tanda pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam memperkaya khazanah kesusasteraan dan penerbitan tempatan.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan dari KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya, para penerima The S.E.A. Write Award, aktivis sastera, penggiat seni tempatan serta orang ramai.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku tetamu kehormat majlis hadir menyempurnakan pelancaran tujuh buah buku terbaharu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.




# مپوچيکن هاتي، مرإيه قَلْبٌ سَلِيم

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له کيت کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠکتکن کإيمانن کقدڽ. سسوڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن کيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله کحيأن دان کسلامتن ددنيا دان جوک دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ تله مڠورنياکن کقد کيت توبوه بادن يڠ سمڤورنا، لڠکڤ دڠن سکل نعمت يڠ تيدق ترنيلاي. نامون، دانتارا سموا اڠݢوتا بادن، هاتي اداله يڠ ڤاليڠ بسر ڤرانن کران اي مروڤاکن ڤوست سکل راس، نية دان تيندکن. سسوڠݢوهڽ هاتي منجادي ڤنتو کقد بايک اتاو بوروقڽ ڤرجالنن هيدوڤ سسأورڠ سرتا منجادي جرمينن سبنر سياڤ ديري کيت دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

والاوڤون مأنسي سريڠ منيلاي سسأورڠ برداسرکن ڤارس روڤا، ڤاکاين، ڤڠکت اتاو کميواهن يڠ دميليکي، نامون الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ تيدق منيلاي کيت برداسرکن اڤ يڠ ظاهر دمات مأنسي. ڤنيلاين الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ جاوه لبيه برمعنى کران دي مليهت اڤ يڠ ترسمبوڽي ددالم هاتي. دسيتوله تمڤت جاتوهڽ ڤندڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ ڤاليڠ أوتام. هاتي کيتله يڠ منجرمينکن سياڤ ديري کيت يڠ سبنر دسيسيڽ.

اڤ يڠ دليهت اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ بوکنله سمات-مات ڤربواتن يڠ ظاهر تتاڤي جوک اڤ يڠ ترسمبوڽي دسباليک ستياڤ ڤربواتن سڤرتي نية يڠ إخلاص دان ککجوجورن يڠ تولوس. إينله إيسي هاتي يڠ منجادي أوکورن دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. مک، جاݢله هاتي کيت دان سوچيکنله اي دڠن کإخلاصن کران دسيتوله ترلتقڽ نيلاي سبنر سأورڠ همبا دسيسي توهنڽ. **درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: إِنَّ اللَّهَ لا يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَامِكُمْ، وَلا إِلَى صُوَرِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ. مقصودڽ: سسوڠݢوهڽ الله تيدق مليهت کقد روڤا ڤارس دان هرتا کاليان، تتاڤي الله مليهت کقد هاتي دان عمل کاليان. {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

راماي مأنسي ڤد هاري اين ممڤوڽاي توبوه بادن صيحت، برجاي دالم کهيدوڤن دان دڤوجي سرتا دسانجوڠ دمات مأنسي. نامون، تنڤا دسدري هاتي مريک سدڠ منڠݢوڠ ساکيت يڠ ڤاره، منجادي کرس دان سماکين جاوه درڤد چهاي إيمان سرتا ڤتونجوق الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

سسوڠݢوهڽ هاتي يڠ دأبايکن دان تيدق دسوچيکن درڤد دوسا اکن ڤرلاهن-لاهن دليڤوتي ککلڤن سهيڠݢ أخيرڽ ماتي. کتيک ايت، أية-أية القرآن تيدق لاݢي ممبري کسن، عبادة تيدق لاݢي تراس مانيس دان هاتي تيدق لاݢي برݢتر اڤابيل دسبوت نام الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. إينله عقيبتڽ اڤابيل هاتي دبيارکن لالاي، دبلڠݢو صفة مَذْمُومَة دان تيدق دمحاسبة دري سماس کسماس.

سباݢاي أومت إسلام، کيت هندقله سنتياس برأوسها منجاݢ هاتي دڠن سبايک-بايکڽ. سيراميله إي دڠن ذِکر، باچأن القرآن دان توبة يڠ تولوس. جاڠن سسکالي کيت بيارکن هاتي دکواساٴي اوليه تيڤو داي دنيا يڠ سمنتارا کران اڤابيل هاتي ايت روسق، مک سلوروه کهيدوڤن کيت اکن موده ترڤسوڠ درڤد جالن يڠ بنر. نامون، أنداي هاتي ايت برسيه، تنڠ دان دسيناري چهاي إيمان، مک سلوروه اڠݢوتا بادن جوک اکن توندوق کقد کبايکن دان دݢوناکن اونتوق ملقساناکن عمل صالح يڠ دريضاٴي اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. **درڤد نُعْمَان بن بَشِير رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: إِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ. مقصودڽ: سسوڠݢوهڽ ددالم ديري مأنسي ايت اد سکتول داݢيڠ. اڤابيل داݢيڠ ايت بايک، مک بايکله سلوروه اڠݢوتا. دان اڤابيل داݢيڠ ايت روسق، مک روسقله سلوروه اڠݢوتا، کتهويله ايتوله هاتي. {حديث رواية إمام بخاري}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ڤارا علماء منجلسکن بهاوا هاتي مأنسي بوليه براد دالم ببراڤ کأدأن:

**ڤرتام: قَلْبٌ سَلِيم** يأيت هاتي يڠ برسيه دان سلامت، يأيت سلامت درڤد شيريک، سلامت درڤد سکل بنتوق ککوتوران، نفسو دان شهوة، سلامت درڤد حسد دڠکي، سلامت درڤد دندم يڠ ممباکر **دان** سلامت درڤد کچينتأن دنيا يڠ ملالايکن. هاتي اين تنڠ کتيک ملاکوکن کطاعتن، جڤت کمبالي کتيک ترسيلڤ دان لاڤڠ کتيک ممعافکن.

**کدوا: قَلْبٌ مَرِيض،** يأيت هاتي يڠ ساکيت. هاتي اين ماسيه مڠنل الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، تتاڤي موده کاله دڠن نفسو. کادڠ-کادڠ إي راجين برعبادة، کادڠ-کادڠ إي لالاي، کادڠ-کادڠ إي إخلاص، کادڠ-کادڠ إي منجاري ڤوجين، کادڠ-کادڠ إي ممعافکن دان کادڠ-کادڠ إي ميمڤن دندم. هاتي يڠ ساکيت اين بوليه منجادي لبيه ڤاره جک تيدق دراوت دڠن علمو، توبة، ذِکر دان مُجَاهَدَة.

**کتيک: قَلْبٌ مَيِّت** يأيت هاتي يڠ ماتي. هاتي اين کرس دان جاوه درڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. إي تيدق لاݢي تراس مانيسڽ إيمان، تيدق تاکوت کقد دوسا، تيدق برݢتر دڠن القرآن، تيدق ترسنتوه دڠن نصيحت دان تيدق ݢنتر دڠن أمارن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. إينله هاتي يڠ ڤاليڠ بربهاي کران إي ممبوتاکن کبنرن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

مميليکي قَلْبٌ سَلِيم مروڤاکن إيمڤين ستياڤ أومت إسلام. نامون، ڤرسوٴالنڽ اياله باݢايمان کيت ممبينا قَلْبٌ سَلِيم؟ سسوڠݢوهڽ اونتوق مڠݢاڤاي قَلْبٌ سَلِيم، کيت مستيله برأوسها دڠن سوڠݢوه-سوڠݢوه اونتوق منجاݢ دان مميليهارا:

**ڤرتام: حَبْلٌ مِنَ اللَّه** يأيت منجاݢ هوبوڠن دڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ترأوتامڽ دڠن مميليهارا سمبهيڠ دان مڠرجاکن تڤت ڤد وقتوڽ. سمبهيڠ اداله تياڠ أݢام دان ڤڠاول هاتي. جاڠن جاديکن سمبهيڠ سکدر روتين هارين، تتاڤي جاديکن سمبهيڠ سباݢاي تمڤت مڠادو دان مموهون کقواتن. سلاين ايت اداله دڠن سنتياس مڠيکوتي سکالا ڤرينتهڽ، منيڠݢلکن سکالا لارڠنڽ سرتا ملاکوکن عمل صالح دان عمل کباجيکن.

**کدوا: هيدوڤکن بودايا ممباچ القرآن.** القرآن اياله أوبت هاتي. مک باچ، تَدَبُّر دان عملکن ممباچ القرآن، جک تيدق ممڤو بايق، إستقامهله والاو سديکيت تتاڤي برتروسن.

**کتيک: ڤربايقکن ذِکر دان إستغفار.** ذِکر برڤوڠسي منتڠکن هاتي يڠ رسه دان إستغفار ڤولا ممبرسيهکن نودا. ذِکر جوک ملاتيه کيت مڠاول إيموسي، ترأوتام ماره، إيري هاتي دان کلوه کسه.

**کأمڤت: جاݢ اداب ليده دان ميديا سوسيال.** بايق هاتي کلڤ بوکن کران دوسا بسر سهاج، تتاڤي کران دوسا ليده سڤرتي مڠأومڤت، ممفتنه، مرندهکن اورڠ، ميبارکن عيب دان منوليس تنڤا علمو دان تَبَيُّن. جک ماهو قَلْبٌ سَلِيم، جاݢله ليده دان توليسن.

**کليما: حَبْلٌ مِنَ النَّاس** يأيت منجاݢ هوبوڠن سسام مأنسي. کيت دتونتوت اونتوق سنتياس مميليهارا أُخُوَّة دان منجالين هوبوڠن صِلَةُ الرَّحِم خصوصڽ دڠن أهل کلوارݢ، سودارا-مارا، جيرن تتڠݢ، صحابت هنداي، راکن سکرجا دان سسياڤ سهاج دسکليليڠ کيت. برسيکڤ بايکله سسام إنسان دڠن مڠعملکن سيکڤ تولوڠ-منولوڠ دالم ڤرکارا کبايکن، ممبنتو مريک يڠ دتيمڤا کسوسهن سرتا مڠهياسي ديري دڠن أخلاق موليا دالم ستياڤ توتور کات دان تيڠکه لاکو.

**کأنم: جاوهي سومبر-سومبر يڠ مروسقکن هاتي،** مک تيڠݢلکن معصية يڠ برأولڠ-أولڠ، هيبورن دان ڤرکاولن يڠ مناريک کقد دوسا سرتا هرتا يڠ دڤرأوليهي سچارا شُبْهَة. هاتي تيدق اکن سلامت جک ماکنن، ڤنداڤتن دان ݢاي هيدوڤ تيدق دجاݢا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ترداڤت سبواه دعاء يڠ ساڠت إينده دالم حديث رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يڠ مرڠکومي ڤلباݢاي أسڤيک ڤنتيڠ دالم کهيدوڤن سأورڠ مسلم. دعاء إين ممبنتو کتݢوهن دالم برأݢام، راس شکور يڠ مندالم، أخلاق يڠ موليا دان کبرسيهن هاتي. انتارا دعاء يڠ دأجرکن اوليه نبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ کقد سأورڠ صحابتڽ، شَدَّاد بْنُ أَوْس رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يأيت سباݢاي سيمڤنن أخيرة يڠ جاوه لبيه برنيلاي درڤد سکل هرتا دنيا اداله حديث **درڤد شَدَّاد بْنُ أَوْس رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بهاوا نبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: واهاي شَدَّاد بن أَوْس! جک کامو مليهت مأنسي سيبوق منيمبون أمس دان ڤيرق، مک سيمڤنله اوليه مو کليمة-کليمة إين سباݢاي سيمڤنن (يڠ لبيه بايک):**

**اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الثَّبَاتَ فِي الْأَمْرِ، وَالْعَزِيمَةَ عَلَى الرُّشْدِ، وَأَسْأَلُكَ شُكْرَ نِعْمَتِكَ، وَحُسْنَ عِبَادَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ قَلْبًا سَلِيمًا، وَلِسَانًا صَادِقًا، وَأَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا تَعْلَمُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا تَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ**

**مقصودڽ: يا الله، اکو مموهون کقد مو کتابهن هاتي دالم مڠهادڤي سموا أوروسن، دان تيکد يڠ قوات دالم منجاري کبنرن، دان اکو مموهون کقدمو اونتوق سنتياس منشوکوري نعمتمو، دان اکو مموهون کقد مو هاتي يڠ سلامت، ليسن يڠ سنتياس جوجور، دان اکو مموهون کقد مو دري کبايکن يڠ اڠکاو کتهوي دان اکو مينتا ڤرليندوڠن دري کبوروقن يڠ اڠکاو کتهوي، دان اکو مموهون أمڤون مو ترهادڤ سکل کسالهن يڠ اڠکاو کتهوي. سسوڠݢوهڽ اڠکاو مها مڠتهوي سکل يڠ غايب. {حديث رواية النسائي}**

سباݢاي أومت إسلام، ماريله کيت ملواڠکن ماس اونتوق برمحاسبه دان مرنوڠ حقيقت ديري يڠ سبنر. هاتي کيت اداله تمڤت جاتوهڽ ڤندڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دان دري هاتيله ترڤنچر سکل کبايکن اتاو برمولاڽ کبوروقن. جوسترو، کيت هندقله سنتياس برأوسها مپوچيکن هاتي درڤد دوسا دان ڤپاکيت هاتي يڠ ممبيناساکن جيوا.

أخيرڽ، موده-مودهن دڠن أوسها يڠ إخلاص اونتوق مپوچيکن هاتي دان منجاوهکن ديري درڤد ملاکوکن ڤرکارا يڠ سيا-سيا، کيت ترݢولوڠ دالم کالڠن همبا يڠ مميليکي قَلْبٌ سَلِيم دان سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دان منچينتاٴي رسولڽ. آمين يا رَبَّ العالمين.

**سسوڠݢوهڽ اورڠ-اورڠ يڠ (بنر-بنر) برإيمان ايت اياله مريک يڠ اڤابيل دسبوت نام الله ݢمنترله هاتي مريک دان اڤابيل دباچاکن کقد مريک أية-أيتڽ، برتمبه (قوات) إيمان مريک دان هاڽ کقد توهن مريک سهاجله مريک برتَوَکَّل. { سورة الأنفال أية: ٢ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# 9 PAPAN TANDA RUMAH KETUA KAMPUNG DIRASMIKAN





**PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir merasmikan Papan Tanda Rumah Ketua-ketua Kampung Daerah Belait bagi sembilan buah rumah. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (kiri dan atas).**

**BELAIT,** Sabtu, 23 Mei. - Sebagai kesinambungan pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Belait yang telah diadakan pada 20 Mei 2026 yang lalu, hari in telah diadakan Majlis Perasmian Papan Tanda Rumah Ketua-ketua Kampung Daerah Belait bagi sembilan buah rumah bertempat di kediaman masing-masing.

Hadir merasmikan papan-papan tanda tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad. Rumah pertama dirasmikan papan tandanya ialah di Mukim Kuala Belait iaitu di rumah Ketua Kampung Pekan Kuala Belait 'B', Awang Suffrizal bin Haji Hamdan.

Majlis diteruskan pula di rumah Ketua Kampung Pandan 'C', Awang Abdul Fa'iz Ariffin bin Haji Muhammad dan selepas itu di rumah Ketua Kampung Pandan 'D', Awang Farid bin Kassim. Rumah terakhir di Mukim Kuala Belait dirasmikan ialah rumah Ketua Kampung Mumong 'A', Awang Aminur bin Othman.

Majlis perasmian diteruskan ke Mukim Seria iaitu di rumah Ketua Kampung Perumahan Panaga Kawasan 'B', Awang Muhd. Ariffin bin Abdullah dan selepas itu rumah Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong Tiga Selatan Seria, Awang Haji Sadin bin Haji Ibrahim.

Selepas dari Mukim Seria majlis perasmian seterusnya diadakan di Mukim Liang iaitu di rumah Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Lumut Kawasan 2, Awang Abdul Hafiz bin Haj Marmin dan di rumah Ketua Kampung Perumahan Negara Lumut Kawasan 3, Awang Rosli bin Haji Jais.

Majlis perasmian kemudian diakhiri di kediaman Ketua Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat, Awang Nurulizam bin Abdul Rahman.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta penduduk mukim dan kampung masing-masing.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait**

# 55 lepasan pelajar cemerlang Ma'had Islam Brunei diraikan

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**





**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada para penerima (kanan). Manakala gambar kiri, Pengetua Ma'had Islam Brunei ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.**

**TUTONG**, Sabtu, 23 Mei. - Ke arah mendukung Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan Berjaya serta seterusnya menghargai usaha dan meraikan kejayaan para pelajar yang cemerlang dalam Peperiksaan Awam Tahun 2025, Ma'had Islam Brunei pagi tadi mengadakan Majlis Hafl Al-Takharruj dan Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik dan Cemerlang bertempat di Dewan Besar sekolah berkenaan.

Seramai 55 lepasan pelajar Ma'had Islam Brunei menerima sijil dan hadiah bagi Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level bagi Tahun 2025.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada seramai 64 pelajar yang meraih kecemerlangan dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Peperiksaan Kemajuan Pelajar (SPE) dan Peperiksaan Akhir Tahun 2025.

Penyampaian sijil dan hadiah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah, Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan dan lagu rasmi sekolah. Majlis turut diserikan lagi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta pengajarannya dan diteruskan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Ma'had Islam Brunei, Dayang Sarimah binti Haji Ahmad.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Akademik serta penghargaan kepada tenaga-tenaga pengajar yang mencapai kecemerlangan dalam pengajaran.







## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LB / TA / 1003
Pembelian Kunci Gantung Padlock AVA ASSA ABLOY 1K11

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 16 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / GSU / TA / 6007
Operational Ration To GSU Personnel Deployed On Operation Duties-Short Term Contract

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum **tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 8 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / GSU / TA / 8010
Supply Of Dog Medicines For Gurkha Security Unit – One Year Contract

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalahseminggu sebelum tarikh tutup tawaran, **iaitu Selasa, 9 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / GSU / 001 [JPPK / LTN / 01 / 2026]
Proposed New K9 Office Building & Clinic Building at GSU Sungai Akar Camp

**Kelas:**
III Keatas

**Kategori :**
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
15 Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 19 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
30 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Tajuk Tawaran:**
**The Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of FIDS Display Monitors At Brunei International Airport For Department Of Civil Aviation Brunei International Airport TERMINAL / 2026 – 2027 / SH - 02**

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Rabu
20 Mei 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Selasa
2 Jun 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu
3 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

## JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran**
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 12

**Tajuk Tawaran**
Jamuan Bagi Penuntut-Penuntut Sekolah Yang Menyertai Acara Pengibaran Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Tahun 2026

**Yuran Tawaran**
BND5.00

**Tarikh Tutup :**
Isnin,
15 Jun 2026

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**01 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027**
Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Bangunan Banglo Rumah Persinggahan Kerajaan, Jalan Maulana, Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Kelas :**
I dan II

**Kategori :**
KA01 dan B01

**02 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027**
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Pada Ruang Bilik Dalam Pejabat Kaunter Perkhidmatan Di Tingkat Bawah, Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Kelas :**
I dan II

**Kategori :**
KA01 dan B01

**03 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027**
Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Tandas Awam Pentas Taman Persiaran Jalan Sungai, Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Kelas :**
I dan II

**Kategori :**
KA01 dan B01

**Yuran Tawaran**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
26 Mei 2026

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
4 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
Membekal Peralatan-Peralatan Pejabat

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
5 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
Membekal Dan Mencetak Letterhead, File Kuning Kerajaan Dan Sampul Surat Kerajaan

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
6 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
Menyediakan Perkhidmatan Dobi Untuk Rumah Persinggahan Kerajaan Kuala Belait

**Bayaran Yuran Tawaran :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa
2 Jun 2026

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
UBD / RFP / 001 / 2026
Request For Proposal To Operate, Manage And Maintain UBD Cafeteria At Universiti Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran :**
JKP / LTK / 2026 - 2027 / 12

**Tajuk Tawaran:**
Appointment Of Project Management Services For The Planning, Coordination And Delivery Of Visit Brunei Year (VBY)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang.

---

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**Iklan Jawatan Kosong**

**Senior Aircraft Mechanic:
SFNS3**

**Kekosongan :
1 Airframe & Engine
1 Avionic**

**Maintenance Supervisor Avionics:
SFS3**

**Kekosongan:
1**

**Cabin Interior Technician,
SFS3**

**Kekosongan:
1**

**Quality Assurance Senior Engineer:
SFS3**

**Kekosongan:
1**

**Tarikh Tutup Permohonan:
Rabu
3 Jun 2026**

---

**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada
Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Borang Sebut Harga:**
BND7.00

**JPt / SH / 19 / 2026 - 2027
Supply And Deliver Chemicals For Drug Residues and Chemical Analyses**

**JPt / SH / 20 / 2026 - 2027
Supply And Deliver Of Reference Controls And Consumables For Field Sampling And Laboratory Sub-Sampling In Serological Animal Disease Testing In Serology / Virology**

**JPt / SH / 21 / 2026 - 2027
Supply, Delivery And Installation Of Purified Gases Refills For Veterinary Laboratory For One Year**

**JPt / SH / 22 / 2026 - 2027
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of Floor Stand Autoclave For Sterilization And Decontamination Of Microbiological Wastes**

**JPt / SH / 23 / 2026 - 2027
Supply And Deliver Sample Extraction Equipment And Chemical Analyses**

**JPt / SH / 24 / 2026 - 2027
To Troubleshoot And Repair Of Wax Embedding Workstation At Veterinary Laboratory**

**Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis
18 Jun 2026
Jam 2.00 Petang**

---

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Nama Tawaran:**
Perkhidmatan Pajakan Kenderaan Bagi Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Kontrak Selama Tiga (3) Tahun

**Bilangan Tawaran:**
JBBSB / LTK / 2026 – 2027 / 02 / SPA / 01

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
26 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran dan Tajuk Tawaran:
JAPEM / UPE-TC 2026-2028 / CLGC / PPS (SENTOSA) /PGS**
Perkhidmatan Pembersihan Dan Pemotongan Rumput
Di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Sentosa
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Bagi Tempoh 2 Tahun

**Bilangan Tawaran dan Tajuk Tawaran:
JAPEM / UPE-TC 2026-2028 / CLGC / PPS (SG.AKAR) / PGS**
Perkhidmatan Pembersihan Dan Pemotongan Rumput
Di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Sungai Akar
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Bagi Tempoh 2 Tahun

**Bilangan Tawaran dan Tajuk Tawaran:
JAPEM / UPE-TC 2026-2028 / GC / PPS (SENTOSA & SG.AKAR) / PGS**
Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Tempoh 2 Tahun Di
a) Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) & Flat Staff Belimbing Subok, Simpang 421
b) Pusat Penempatan Sementara (PPS) Japem Belimbing Subok, Simpang 554
c) Pusat Penempatan Sementara (PPS) JAPEM Sungai Akar
d) Pusat Penempatan Sementara (PPS) JAPEM Jalan Sentosa
e) Pusat Bahagia Pulaie

**Yuran Tawaran**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup**
Khamis,
4 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
11 / MAY / 2026 / KKBS / PJK / 16.91
Three (3) Years General Maintenance For Fire Protection System At Ministry Of Culture, Youth And Sports Building And Sinarubai Storage Area, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
12 / MAY / 2026 / KKBS / PJK / 16.91
Three (3) Years General Maintenance For Fire Protection System At Pusat Pembangunan Belia, Tanah Jambu, Brunei Muara And Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Training Camp Building, Batu Apoi, Temburong, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Selasa,
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Sebut Harga :**
9 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 / 26

**Tajuk Sebut Harga:**
Perkhidmatan Penyewaan Alat Perhubungan (Walkie Talkie) Bagi Penggunaan Program Projek Rintis Program Khidmat Bakti Negara Bagi Tempoh Enam (6) Bulan Di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Temburong

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
28 Mei 2026

---

**PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
2 / MEI / 2026 / PSB / PD.575
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku, Jurnal Dan Majalah Terbitan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis
11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek :**
07 / BBS / SH / 2026 – 2027
Cleaning Of Alucobond Wall And Fascia At
Rooftop Level Dewan Persidangan Kuala Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala Belait

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek :**
08 / BBS / SH / 2026 – 2027
Supply And Delivery Of Office Equipment For Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

**Yuran Tawaran :**
BND5.00
(Non Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 35 / 2026
1. Insulin Aspart 100 units / ml penfill injection x 3ml
- Qty: 150 x 5's
2. Phenylephrine HCL eye drop 10% minims or single use
- Qty: 300 x 20's

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 36 / 2026
Fluticasone Furoate Nasal Spray 27.5mcg/dose nasal spray as Avamys or its equivalent
- Qty: 950 x bottle of 200 doses

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 37 / 2026
Risankizumab 150mg/ml solution for injection in prefilled pen as Skyrizi or its equivalent
- Qty: 12 x prefilled pen

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 38 / 2026
Triamcinolone (IM/intra-articular) injection 40mg/ml x 1ml
- Qty: 250 x 10's
Flavouring and sweetening agent for extemporaneous pharmaceutical preparation as ORA-SWEET or its equivalent
- Qty: 90 x 473 ml

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 39 / 2026
1. Acetylsalicylic Acid (aspirin) 300mg soluble tablet
- Qty: 750 x 32's
2. Budesonide 500mcg/ml single dose units for nebulization as Respules or its equivalent
- Qty: 180 x 30's

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 40 / 2026
1. Melatonin 1mg/ml oral solution (preferably alcohol-free)
- Qty: 600 x 60ml
2. Vitamin D3 500 IU oral spray as D-Vita or its equivalent [preferably palatable for pediatrics]
- Qty: 360 x 80ml

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 41 / 2026
1. Varicella Zoster Immunoglobulin injection - Qty: 10 vials
2. Alprazolam 0.25mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 250 x 100's

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 42 / 2026
1. Carbachol 0.01% Intraocular Solution - Qty: 100 x 12's
2. Betamethasone sodium phosphate 0.1% and neomycin sulfate 0.5% eye/ear drop
- Qty: 500 x 12's

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 43 / 2026
Chloramphenicol 0.5% eye drop
- Qty: 2,200 x 12's

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 44 / 2026
1. Chlorhexidine Gluconate 2% in 70% Isopropyl Alcohol
- Qty: 2,00 x 500ml
2. Stone Fish Antivenom
- Qty: 4 vials

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 45 / 2026
1. Ertapenem (as Ertapenem sodium) 1gm powder for solution for infusion - Qty: 200 vials
2. Rivastigmine 9.5mg/24hours transdermal patch - Qty: 60 x 30's

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 46 / 2026
Sodium Zirconium Cyclosilicate oral powder 5g per sachet
- Qty: 15 x 30's

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 47 / 2026
Budesonide modified release 4mg oral solid preparation preferably tablet as Tarpeyo or its equivalent
- Qty: 10 x 120's

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 48 / 2026
Aciclovir 3% eye ointment
- Qty: 450 x 4.5g

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(44) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Rotary Pouch Sealer For CSSD, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Kuala Belait (Clustering)

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(45) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Drying Cabinet For CSSD, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Kuala Belait (Clustering)

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1658) / 2026 / HTD (B4)
One Off Preventive Maintenance For One (1) Unit Of Nitrogen Gas Generator, Brand: Peak Scientific, Model: Fusion 1010, F15-01-132, BME17931, At Environment Section, Department Of Scientific Services
(W/O: 2026-11008)

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1660) / 2026 / HTD (B4)
One Off Preventive Maintenance For One (1) Unit Of Liquid Chromatography Mass Spectometry (LCMS) System, Brand: Thermo Fisher Scientific, Model: Q-Exactive, S/N: 02224L, BME19923 At Food Chemistry Section, Department Of Scientific Services (W/O: 2026-11235)

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1661) / 2026 / HTD (B4)
One Off Preventive Maintenance For One (1) Unit Of Oxygen Generator System Brand: Erredue SPA, Model: GO6LABCT8, S/N: 1993, BME29416 At Environment Section, Department Of Scientific Services

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(08) PIHMH / KEW / 009
To Supply, Delivery And Testing Digital Thermo Hygtometer For Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
(10) PIHMH / KEW / 009
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Ten (10) Units Of Manual Blood Pressure For Department Of OPD At Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

**Yuran Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Sabtu
30 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2026
Supply And Delivery Of Laboratory Consumables For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0009 / 2026
Supply And Delivery Of Polymerase Chain Reaction Test Kits For Detection And Quantification Of Shrimp Viruses

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2026
Supply And Delivery Of Lab Chemicals And Media For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre Diagnostic Test

**Yuran Sebut Harga (Setiap Satu Tajuk) :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Khamis,
11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam**

**Kelas :**
Terbuka

**Kategori :**
Terbuka

**Tarikh dan Jam Tutup Tawaran:**
Selasa,
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran dan Tajuk Projek :**
KHEDN / LTK / 2026-05
To Replace, Install And Maintenance Works Of Decoration Lights Along The Road From Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Edinburgh Bridge, Persimpangan Jalan Sultan / Jalan Haji Basir To The Roundabout Of Jalan MC Arthur In Front Of The Energy Hub Building

**Bilangan Projek:**
KHEDN / UPE / 2106 / 14

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga :**
7 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 / 26

**Tajuk Sebut Harga:**
Perkhidmatan Gunting Rambut Bagi Pelatih Lelaki Projek Rintis Program Khidmat Bakti Negara Bagi Tempoh Enam (6) Bulan Di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Temburong

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
28 Mei 2026

**Bilangan Sebut Harga :**
21 / APRIL / KKBS / BKBN / 1.40 / 26

**Tajuk Sebut Harga:**
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan Serta Penghantaran Kasut Boots Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
28 Mei 2026

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / NAU / DEN / TA / 02
Pembelian Peralatan Dan Kelengkapan Pergigian (Dental Treatment Equipment), Markas Khidmat Pergigian Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 16 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa
23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / TU / TA / 6005
Pembelian Bagi SD Cap Other Rank (6 Jenis) Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu **Selasa, 15 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
23 Jun 2026
2.00 Petang

**RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 30 / 26-27
Supply and Delivery of Lighting Console for Outside Broadcast

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 31 / 26-27
Supply and Delivery of Wireless Monitoring System kit for OB Facilities

**Bayaran Yuran :**
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas :**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup :**
Rabu,
10 Jun 2026,
jam 2.00 Petang

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 16 / 26-27
Unit Realiti TV: Perkhidmatan Penggambaran Dan Pos Produksi (Penyuntingan) Rancangan TV (13 Episode X 60 Minit)

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 17 / 26-27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Drama Bersiri (13 Ep X 30 Min) Dan Episod Aidilfitri (1 Ep X 60 Min), Unit Drama TV)

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 18 / 26-27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Dua (2) Drama Ramadhan Bersiri Dan Hari Raya Aidilfitri 2027, Unit Drama TV

**Bayaran Yuran :**
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas :**
BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup :**
Rabu,
27 Mei 2026,
jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**
KHELN / KEW / 2026 / 1505

**Tajuk Sebut Harga:**
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect Muscat, Oman

**Bilangan Sebut Harga:**
KHELN / KEW / 2026 / 1605

**Tajuk Sebut Harga:**
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect Amman, Jordan

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
27 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JDBM / Q / 13 / 2026
Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Flat F15 Dan F30, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PENERANGAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
(24) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Membekalkan Perkhidmatan Pembekalan Jamuan Secara Berkontrak Selama Satu (1) Tahun

**Yuran :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
28 Mei 2026,
Jam 8.00 Pagi

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:**
06 / DBP / SH / 2026-2027
Jamuan Pesta Buku Brunei 2026

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:**
07 / DBP / SH / 2026-2027
Jamuan Sambutan Bulan Bahasa 2026

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Selasa,
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**PEJABAT PEGUAM NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
PPN / ASSET / BUUMM / CONTRACT / 2026 / 5 / 1
Term Contract (12) Months For Cleaning And Housekeeping Works Of The Law And Court Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI**

**Sebut Harga Bagi Membekalkan Barang Keperluan Pusat Latihan Kesenian Dan Pertukangan Tangan Brunei**

**Bilangan Rujukan Sebut Harga :**
25 / PLKPTB / 34 / 2026 / 1
Membekalkan Kain Cotton Watermark (Motif Bunga Putar)

**Nama Barang :**
Kain Cotton Watermark (Motif Bunga Putar)

**Jumlah Kain Yang Dipohonkan :**
200 Meter

**Tarikh Penutupan Sebut Harga:**
Selasa,
Jam 2.00 Petang,
23 Jun 2026

**JABATAN AUDIT**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 04
Kerja-Kerja Membekal, Membuka Dan Memasang Cermin Di Dalam Tandas Laki-Laki Dan Perempuan (Dalam Bilik Besar) Dari Tingkat 1 Hingga Tingkat 6 Blok 'B' Dan Tingkat 1 Blok 'C' Dan Belakang Kantin Di Jabatan Audit, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Keterangan Tawaran:**
1. To replace the existing toilet mirror including remove the existing damaged mirror and disposed off site;-

a. Overall size : 1,820mm (L) x 1,000mm(H) – Male toilet (level 1- 6, Block B and a toilet behind canteen)

**Jumlah :**
7 pcs

b. Overall size : 3,045mm(L) x 1,000mm(H) – Female toilet (level 1- 6, Block B and a toilet behind canteen)

**Jumlah :**
7 pcs

2. To supply and install new toilet mirror c/w aluminium framing, overall size:-

a. Overall size :– 630mm(L) x 800mm(H) Male toilet (level 1- 6, Block B and a toilet behind canteen)

**Jumlah :**
18 pcs

b. Overall size :– 630mm(L) x 800mm(H) Female toilet (level 1- 6, Block B and a toilet behind canteen)

**Jumlah :**
18 pcs

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
2 Jun 2026
Jam 2.00
Petang




**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / NASI BERPEK / K / 01 / 2026**
Menyediakan Nasi Berpek (Ayam / Daging dan Sayur) Atau Mee Dan Ayam Goreng Berserta Air Minuman Botol Kecil Bagi Latihan dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / KUEH BUFFET/ K / 02 / 2026**
Menyediakan / Membekalkan 3 Jenis Kuih Berserta 1 Botol Kecil Air Putih dan 1 Kotak Minuman Manis Secara Bufet Semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei Muara (Bagi Penuntut Pengibar Bendera dan Hadrah (Served)) – 3,500 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 03 / 2026**
Menyediakan / Membekalkan Jamuan Berserta Minuman Panas / Minuman Botol Semasa Latihan dan Semasa Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara. (Bagi Petugas-petugas dan Ahli-ahli Jawatankuasa dan Penuntut-penuntut Latihan)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 04 /2026**
Menyediakan / Membekalkan Jamuan Secara Dome Berserta Minuman Panas Dan Air Mineral Semasa Latihan dan Semasa Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (Bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 05 / 2026**
Membekalkan Dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Bertempat Di Bangunan Sekretariat Jabatan Perdana Menteri, (Minuman Pagi (Refreshment) Bagi VVIP - 130 Orang)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 06 / 2026**
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan An-Naura Kompleks, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VVIP Bagi Meja Utama (Served)) - 36 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 07 / 2026**
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan An-Naura Kompleks, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP dan Jemputan Khas Bahagian 'A' (Served)) - 300 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 08 / 2026**
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan An-Naura Kompleks, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP dan Jemputan Khas Bahagian 'B' (Served)) - 300 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 09 / 2026**
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, Bandar Seri Begawan - Dewan An-Naura Kompleks, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah - Untuk Para Jemputan (Dome Services) – 1,000 Orang

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 10 / 2026**
Membekalkan dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (Ketua-ketua Jabatan, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi - 550 Orang)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / SH / BUFFET / K / 11 / 2026**
Membekalkan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara – (Ahli Jawatankuasa, Urus Setia, Pegawai Serta Kakitangan Keselamatan, Media Masa Serta Pemandu-pemandu) – 600 Orang

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
26 Mei 2026

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Tawaran Tender Bagi Mengoperasikan Tapak Akuakultur, Sub-Lot 16605, Kampung Meragang Bagi Ternakan Ikan Laut, Negara Brunei Darussalam**

**Invitation To Tender For The Operation Of The Aquaculture Site, Sub Lot 16605, Kampung Meragang For Marine Fish Culture, Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup :**
Khamis
18 Jun 2026
Jam 3.00 Petang

PELITA BRUNEI

# IMBASAN MINGGUAN



SUASANA semasa merukyah anak bulan Zulhijah 1447 Hijrah yang diadakan di salah satu daripada lima lokasi yang ditetapkan. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.




SALAH satu vendor tempatan yang menyertai acara Nasi Katok Kitani di Santai De Indoor, Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir pada Majlis Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia bagi menyemarakkan semangat membaca dalam kalangan masyarakat sekolah khasnya pelajar. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.




PARA pelajar Sekolah Menengah Perdana Wazir semasa diberikan keterangan berkaitan ASEAN dan mengikuti sesi kuiz Kenali ASEAN. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) melalui Sekretariat Sukarelawan UM (SEKRUM) melaksanakan satu inisiatif khidmat masyarakat di Kampong Ayer yang merupakan sebahagian daripada Program Pengayaan Antarabangsa (IEP) UM-UBD (UM-UBD International Enrichment Programme. - Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi.







PERSEMBAHAN kebudayaan Puak Dusun turut disajikan diacara Glam Kampung Galore Edisi Ketiga bertemakan 'Adau Gayoh - Reculture' yang dihasratkan untuk mempromosikan budaya tradisi masyarakat Sang Jati Dusun di negara ini. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.

# JABATAN MUFTI KERAJAAN TERBITKAN 2 BUKU BAHARU




**JABATAN Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kini menerbitkan dua buah baharu, iaitu Adab-Adab Dalam Islam 2 dan Fatwa of The State Mufti Brunei Darussalam 2003.**

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 23 Mei. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kini menerbitkan dua buah baharu, iaitu Adab-Adab Dalam Islam 2 dan Fatwa of The State Mufti Brunei Darussalam 2003.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengurus Penerbitan Fatwa, JMK, JPM, Awang Haji Yakob bin Haji Metali pada Sidang Media mengenainya yang diadakan di bangunan jabatan berkenaan, hari ini. Menurutnya Buku Adab-Adab Dalam Islam 2 adalah terbitan ke-162, sejak JMK ditubuhkan pada 7 November 1994.

Buku Adab-Adab Dalam Islam 2 jelasnya, adalah lanjutan Buku Adab-Adab Dalam Islam yang diterbitkan pada tahun 2023 dan digunakan sebagai buku teks dan rujukan bagi Muslimah masjid di negara ini. Buku ini adalah salah satu buku terlaris semasa Pesta Buku Brunei.

Awang Haji Yakob turut menambah Buku Adab-Adab Dalam Islam 2 ini memiliki keistimewaan tersendiri dengan terdapatnya banyak ilmu dan maklumat berguna yang diketengahkan untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan kita seharian.

Antaranya ialah Adab Menyambut Aidilfitri; Adab Dalam Tandas; Adab dan Cara Menghadapi Orang Nazak dan Yang Baru Meninggal Dunia; Adab Berdoa; Adab Menziarahi Kubur; Adab Makan dan Minum; dan Berkeliaran Di Luar Rumah Waktu Maghrib.

Beliau turut mengongsikan, Buku Adab-Adab Dalam Islam 2 ini mengandungi 307 muka surat dengan merangkumi 29 tajuk persoalan yang dihimpunkan dalam tiga kategori, iaitu adab, akhlak dan persoalan.

Sementara itu, Buku Fatwa of The State Mufti Brunei Darussalam 2003 pula adalah terjemahan Buku Fatwa Mufti Kerajaan Tahun 2003. Program menterjemahkan Buku Fatwa Mufti Kerajaan ini telah bermula sejak penerbitan Buku Fatwa Mufti Kerajaan 1994 hingga 1995 lagi. Sehingga kini sebanyak sembilan judul buku fatwa telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris.

Jelas Awang Haji Yakob, Buku Fatwa of The State Mufti Brunei Darussalam 2003 ini memiliki 241 muka surat dan mengandungi 32 persoalan yang ditanyakan oleh masyarakat dari dalam dan luar negeri sepanjang tahun 2003. Persoalan dan kemusykilan ini dijawab oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan dibukukan sebagaimana lazimnya.

Antara persoalan yang menarik dalam buku ini ialah Kanak-Kanak Bukan Islam Belajar Al-Quran dan Sembahyang; Melambatkan Sembahyang Sehingga Datang Uzur Syarie (Haidh); Kanak-Kanak Islam Yang Diasuhkan Kepada Orang Bukan Islam; Hukum Memakan Tapai; Men*dye* atau Menginai Rambut; Pembedahan Plastik; dan Upacara Tepung Tawar.

Orang ramai yang berminat untuk membeli buku-buku berkenaan boleh berkunjung ke Kedai Buku JMK pada waktu bekerja dengan harga BND8 senaskhah bagi Buku Adab-Adab Dalam Islam 2, dan BND7 senaskhah untuk Buku Fatwa of The State Mufti Brunei Darussalam 2003.




# Program Sua Muka bariga isu semasa



**TIMBALAN Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka (atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada program tersebut.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**TEMBURONG**, Sabtu, 23 Mei. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Komunikasi Strategik, mengadakan Program Sua Muka bagi Ketua Kampung Belais Buda-Buda, Mukim Bokok, Daerah Temburong bertempat di kediaman Pemangku Penghulu Mukim Zon 2 dan Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, manakala rombongan daripada pihak Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok diketuai oleh Pemangku Penghulu Mukim Zon 2 dan Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Awang Mohd. Afnan bin Haji Gapor.

Program dimulakan dengan ucapan aluan daripada ketua rombongan antara lain menyentuh mengenai hasrat jabatan agar program ini menjadi salah satu landasan komunikasi antara kerajaan dan rakyat.

Ketua rombongan juga menyeru untuk sama-sama mendukung hasrat dan aspirasi kerajaan dalam meningkatkan lagi penyertaan peringkat akar umbi sebagai salah satu strategi Whole of Nation Approach dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Juga hadir bagi menyampaikan taklimat kepada penduduk-penduduk kampung ialah dari Jabatan Tenaga mengenai 'Usaha Kerajaan dalam Memperkenalkan Renewable Energy / Tenaga Baharu (Solar System) dari Pusat Kebangsaan E-Kerajaan' (EGNC) (BruneiID).

Program juga diisikan dengan penyampaian maklumat kepada penduduk-penduduk kampung daripada Jabatan Penerangan mengenai 'Penyebaran Maklumat Palsu', Jabatan Tenaga mengenai 'Tenaga yang boleh diperbaharui (Renewable energy)' dan daripada EGNC mengenai 'BruneiID'.

Program turut diselitkan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung bagi membincangkan isu-isu semasa serta cadangan ke arah pembangunan kampung dan negara.








## Miliki barang tegahan : Lelaki warga asing didenda

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**TEMBURONG**, Sabtu, 23 Mei. - Seorang lelaki warganegara Malaysia dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND19,200 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Andy Wong Kwong Heng, 34 tahun, di Mahkamah Majistret hari ini. Defendan mengaku bersalah memiliki 120 botol minuman keras tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Pemeriksa Kastam, Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan Temburong pada 21 Mei 2026, pukul 8.58 malam. Kesemua barang yang terlibat iaitu 120 botol minuman keras, dihukum rampas dan diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan pelupusan.

# PERKUKUH USAHA PEMULIHARAAN LANGIT GELAP DI KAMPUNG MELILAS





**PROGRAM Dark Sky Melilas Adventure 2026 anjuran Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam dengan sokongan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Melilas dimulakan pada petang 16 Mei apabila para peserta berkumpul di kawasan tempat letak kereta Taman Jerudong sebelum bergerak dalam konvoi 25 kenderaan pacuan empat roda menuju ke Kampung Melilas (atas dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam**

**KAMPUNG MELILAS**, Jumaat, 22 Mei. - Lebih 50 peserta telah menyertai Dark Sky Melilas Adventure 2026 bermula 16 hingga 17 Mei lalu sambil menikmati panorama langit malam yang memukau di Kampung Melilas. Ekspedisi ini dianjurkan oleh Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) dengan sokongan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Melilas.

Program dimulakan pada petang 16 Mei apabila para peserta berkumpul di kawasan tempat letak kereta Taman Jerudong sebelum bergerak dalam konvoi 25 kenderaan pacuan empat roda (4WD) menuju ke Kampung Melilas. Konvoi itu turut disertai Ahli Brunei Overland and Expedition Group, BNSTYLE dan Jimny Brunei bagi membantu kelancaran perjalanan ke kawasan pedalaman.

Setibanya sebelum matahari terbenam, rombongan telah dialu-alukan oleh wakil ketua Rumah Panjang Julangan Titah Melilas, Awang Haji Yassin bin Abdul Rahim Sap. Taklimat keselamatan serta penerangan program telah disampaikan sebelum para peserta mendirikan khemah untuk bermalam.

Sepanjang sesi cerapan malam, peserta mempelajari teknik mengenal pasti buruj selain menyaksikan planet Musytari dan bulan-bulan terbesarnya sebelum awan menutupi ruang langit. Namun, sekitar awal pagi, langit kembali cerah sekali gus menampilkan pemandangan galaksi Bima Sakti yang memukau.

Turut hadir semasa sesi cerapan ialah Penghulu Mukim Sukang, Awang Shahronizam bin Haji Md. Noh bersama penduduk kampung tempatan yang turut serta dalam aktiviti tersebut.

Dengan fasa Bulan menghampiri fasa tua, landskap luar bandar, Kampung Melilas merupakan salah satu kawasan perlindungan jarang ditemui di Negara Brunei Darussalam yang memiliki penarafan Bortle Class 2 Typical Truly Dark Sky menawarkan keadaan yang amat sesuai untuk cerapan bintang.

Keadaan langit yang sangat gelap di Kampung Melilas membolehkan peserta melihat keindahan galaksi Bima Sakti dengan jelas serta merakam gambar astrofotografi di bawah bimbingan Ahli-ahli PABD. Pemandangan luar biasa itu jarang diperoleh di tempat lain di negara ini.

Penyelaras Program Dark Sky Melilas Adventure 2026, Awang Muhammad Arif bin Ismail menyatakan aspirasi PABD terhadap inisiatif tersebut adalah untuk meningkatkan minat dan pengetahuan orang ramai, khususnya generasi muda di kawasan luar bandar, dalam bidang astronomi; mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai pemeliharaan alam sekitar daripada pencemaran cahaya serta menjadikan ekspedisi ini sebagai pemangkin kepada usaha memelihara kawasan langit gelap di negara ini.

Beliau juga menekankan kepentingan memperkukuhkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan komuniti tempatan bagi memperluaskan akses kepada aktiviti pendidikan astronomi dan falak syarie, khususnya di kawasan luar bandar.

Selain aktiviti astronomi, program ini turut menampilkan komponen khidmat masyarakat yang dikendalikan oleh para peserta. Sumbangan bekalan makanan dan barangan keperluan asas telah diagihkan kepada 14 keluarga yang menetap di Rumah Panjang tersebut, manakala buku mewarna turut diberikan kepada kanak-kanak di kampung berkenaan.

PABD juga menyumbangkan poster kesedaran langit gelap kepada wakil ketua rumah panjang sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mempromosikan perlindungan langit malam semula jadi. Program diakhiri dengan ucapan penutup oleh Setiausaha Agung PABD, Awang Hazarry bin Haji Ali Ahmad, diikuti bacaan Doa Selamat.

# Ukur kebolehan pelajar dalam Kelas Al-Quran, Iqra







**SUASANA pada Peraduan Mewarna, Tulisan Jawi, Azan Subuh dan Hafazan Surah-surah berlangsung di Masjid An-Na'im Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau (atas, atas kiri dan atas kiri sekali).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**MUKIM MENTIRI**, Sabtu, 23 Mei. - Awang Md. Fahmi Razin bin Md. Ramzan dan Dayang Eisyatul Fareehah Hannani binti Md. Ayyub masing-masing membuktikan bacaan dan hafazan terbaik sehingga memikat juri untuk menggondol juara bagi Kategori Al-Quran Hafazan Surah pada Peraduan Mewarna, Tulisan Jawi, Azan Subuh dan Hafazan Surah-surah berlangsung di Masjid An-Na'im Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau, baru-baru ini.

Juara-juara berkenaan mengutip markah sebanyak 89 peratus bagi Awang Md. Fahmi Razin dan Dayang Eisyatul Fareehah Hannan pula berjaya mengutip sebanyak 95 peratus.

Manakala pemenang Hafazan Surah bagi Kategori Iqra 4 - 6 pula diraih oleh Dayang Nur Aleeya Maisarah binti Md. Marzuki dengan markah 85 peratus. Sementara dengan pungutan markah sebanyak 91 peratus, Awang Muhammad Arif Arsyad bin Muhammad Ali Rahman berjaya memukau juri dengan lantunan Azan Subuh dalam peraduan berkenaan.

Pertandingan juga dimeriahkan dengan Peraduan Mewarna dan juga Tulisan Jawi bagi para murid yang mengikuti pembelajaran mengaji di masjid berkenaan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid yang juga Ketua Imam masjid itu, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

Peraduan berkenaan merupakan acara yang dikendalikan sempena cuti penggal persekolahan kedua di samping sebagai mengukur kebolehan para pelajar dengan bakat mereka yang mereka pelajari dalam kelas-kelas Al-Quran dan Iqra masing-masing.




# Cipta dunia persaraan yang tenang

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**
**Foto : Ihsan Canva**

**BERSARA**, mungkin suatu perkara yang ditunggu-tunggu bagi sebahagian orang tetapi tidak bagi sebahagian yang lain. Ketika bekerja, ramai yang menunggu masa untuk bersara terutama mereka yang menginjak usia 50-an ke atas dan sudah memikirkan apa yang hendak dibuat selepas bersara.

Ramai sudah merancang hendak melakukan 'itu dan ini' apabila bersara. Ada yang mahu meluangkan masa berkualiti bersama keluarga, antaranya boleh menghabiskan lebih banyak masa bersama pasangan, anak-anak dan cucu-cucu menghadiri majlis keluarga, serta terlibat dalam aktiviti harian tanpa kekangan jadual kerja. Hubungan kekeluargaan yang erat ini akan memberikan kepuasan emosi yang sukar diperoleh ketika masih bekerja sepenuh masa. Selain itu, ada yang mahu menumpukan kepada amal ibadah di surau atau masjid kariah masing-masing jika sebelum ini belum dapat berbuat demikian.

Malangnya landskap persaraan mengalami perubahan yang ketara meskipun tidak semua. Realiti yang sebenar tidak seperti yang diharapkan. Ramai dijangka akan terus bekerja atau selepas umur persaraan rasmi. Ini menggambarkan hakikat sebenar sedang dihadapi masyarakat. Fenomena ini bukan lagi pilihan semata-mata sebaliknya satu keperluan akibat tekanan kos sara hidup dan persediaan kewangan tidak mencukupi.



Pendekatan terbaik bagi seorang pesara merangkumi penyediaan bajet bulanan, penyelesaian hutang sebelum bersara, pelaburan selamat, dan kawalan perbelanjaan harian.

Berhemat dengan wang pencen memerlukan pengurusan kewangan yang berdisiplin bagi mengelakkan masalah kehabisan dana di hari tua. Tidak dinafikan apabila wang banyak di tangan semestinya akan memberikan 'ganjaran' untuk berbelanja lebih, membeli apa yang dihajati dan memenuhi keinginan yang tertangguh. Tetapi untuk kehidupan yang akan datang dilalui tanpa pekerjaan, perlulah memikirkan apa yang perlu dibuat untuk survive pada masa akan datang.

### Persiapan sebelum waktu persaraan

Bagi persiapan menghadapi waktu persaraan, seseorang itu perlu bersedia dan membuat bajet sendiri mengikut kemampuan. Langkah bijak dengan mengasingkan bajet untuk keperluan penting dan 'kehendak' boleh menyelamatkan daripada kehabisan wang di masa tua. Begitu juga dengan memantau setiap sen yang dibelanjakan bagi mengelakkan 'terlebih belanja' sekurang-kurangnya dapat menjimatkan wang simpanan.

Pastikan sebelum menghampiri fasa persaraan, awda menyelesaikan semua hutang - hutang untuk mengelakkan terbeban dengan hutang supaya awda dapat menikmati persaraan dengan hati yang tenang dan lapang.

Jika awda hendak ikut pelaburan, pastikan ia pelaburan berisiko rendah. Ini dapat menyelamatkan awda daripada kerugian besar jika pelaburan awda tidak seperti yang dijangkakan. Lebih membimbangkan, terdapat pesara melabur dalam perniagaan tanpa pengetahuan mencukupi. Terpengaruh dengan rakan atau kenalan, mereka melaburkan sejumlah wang tanpa memahami risiko sebenar. Apabila perniagaan gagal, bukan sahaja modal hilang, malah tiada lagi sumber pendapatan tetap untuk meneruskan kehidupan. Inilah yang perlu dihindari dan inilah juga sebab kenapa perlunya 'celik kewangan' agar tidak mengalami kerugian.

### Rancang kos kesihatan

Semakin berumur, tahap kesihatan warga emas semakin menurun, justeru bagi yang sudah di usia persaraan perlu menjaga kesihatan masing-masing. Impak terhadap sektor kesihatan juga tidak boleh dipandang ringan. Tidak mustahil terdedah kepada penyakit kronik seperti darah tinggi, diabetes dan masalah jantung.

Tambahan lagi pada zaman globalisasi ini, perlindungan perubatan adalah satu kemestian. Pastikan awda mempunyai insurans perubatan atau gunakan sepenuhnya kemudahan kesihatan kerajaan yang disediakan untuk pesara bagi mengelakkan kos rawatan yang tinggi.

### Simpan secara konsisten

Sedikit tapi berterusan lebih baik daripada tiada. Seorang individu yang bijak dalam menguruskan kewangan adalah apabila mereka mula ada kesedaran awal tentang kepentingan perancangan dan pengurusan kewangan jangka panjang dan mula menyimpan dengan aktif tabung persaraan lebih awal.

Selain itu, awda juga perlu menyediakan dana kecemasan kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku di masa depan. Jika sesuatu perkara terjadi di luar kawalan, sekurang-kurangnya kita ada simpanan untuk keperluan tersebut. Dana kecemasan perlu ada dengan menyimpan sebahagian wang persaraan ke dalam bank dan senang dikeluarkan jika awda memerlukannya dengan mengejut.

### Pentingnya perancangan kewangan

Walaupun di awal persaraan, seseorang itu menerima wang yang banyak tetapi jika gagal mengurus kewangan dengan bijak, simpanan yang banyak boleh habis dalam sekelip mata. Tanpa perancangan jangka panjang, simpanan sepatutnya bertahan puluhan tahun boleh habis dalam beberapa tahun sahaja.

Namun, tanpa perancangan kewangan yang teliti, wang berkenaan boleh habis dalam tempoh singkat. Perbelanjaan tidak terkawal, pelaburan tanpa ilmu, sikap terlalu pemurah menjadi antara faktor utama menyumbang keadaan ini. Pembelian barang mewah, pengubahsuaian rumah secara besar-besaran serta gaya hidup meningkat secara mendadak menyebabkan wang cepat susut.

### Berhati-hati dengan tawaran *scammer*

Pesara juga sering menjadi sasaran utama *scammer*. Dengan anggapan golongan ini mempunyai simpanan besar, penipu mengambil peluang menawarkan pelaburan palsu menjanjikan pulangan lumayan dalam tempoh singkat. Ada yang terpedaya dengan skim cepat kaya, ada yang ditipu melalui panggilan telefon menyamar sebagai pihak berkuasa atau institusi kewangan. Akibatnya, wang simpanan dikumpul sepanjang hayat lesap sekelip mata.

Situasi ini menunjukkan masalah kekurangan ilmu dan perancangan kewangan dalam kalangan pesara. Pendidikan kewangan sepatutnya tidak berhenti selepas seseorang bersara. Ia perlu diperkukuh bagi memastikan pesara mampu mengurus simpanan dengan bijak dan berhemat.

Dalam dunia penuh cabaran ekonomi dan ancaman penipuan, kebijaksanaan mengurus kewangan adalah kunci utama memastikan kehidupan selepas bersara selesa dan bermaruah.

### Kesimpulan

Momen persaraan bukan sekadar penutup kerjaya, ia adalah permulaan bab baharu yang penuh makna. Jangan runsing jika awda tidak ada lagi pendapatan tetap. Jika awda sudah menyediakan tabung simpanan untuk hari tua, awda sebenarnya bijak dan mempunyai visi jauh untuk ketenangan selepas bersara.



# Doa dan Ibadah

Oleh : Diansantun
Ilustrasi : Muhammad Al Khaliq Ali

**KINI** sudah masuk tahun ke lima dalam perjalananku sebagai Pegawai Eksekutif Pemasaran di Syarikat ini. Dengan gaji yang alhamdulillah, cukup baik dari hari semalam. Aku juga berkemampuan menghantar adik-adikku ke menara gading dan semua mereka sekarang telah pun berjaya dalam bidang masing-masing di luar negara.

Esok adalah hari di mana umat Islam menyambut Hari Raya Aidiladha. Aku menyiapkan rumah sekadarnya. Aku duduk di ruang makan, mengingati memori di mana Babah Babu masih ada di sini. Aku enggan mengubah apa saja kedudukan perabot dirumah ini kerana sentuhan Babah dan Babu ada di setiap sudut rumah ini dan aku tidak mahu kehilangan itu semua.

Lima tahun lepas, saat terakhir aku melihat, menggenggam tangan Babah dan Babu adalah ketika aku menghantar mereka ke Lapangan Terbang bersamaan dengan Jemaah yang lain. "Ayana, Babah sama Babu jalan dulu. Babah sama Babu minta jagakan adik-adik apa masa Babah dan Babu nada. Ayana, Babah doakan kau dapat keraja yang baik. Selalu sabar. Tani berkehendak, tapi Allah lebih tahu apa yang kau perlukan dan bila kau patut menerimanya." Aku masih mengingat nasihat mereka. Mungkin kerana selepas menerima ijazah, aku selalu mengeluh akan perihal pekerjaan. Babu selalu menasihatiku supaya bersabar. Beliau menggenggam tanganku, "Babu doakan yang terbaik untuk kamu semua. Semoga rezeki Babu, Allah salurkan untuk kamu semua."

Babu dan Babah sangat bahagia menjalani ibadah haji mereka di sana. Mereka selalu menelefon kami di sini dan menghantar gambar-gambar tempat yang mereka lawati di sana. Mereka juga tidak lekang berdoa semoga aku akan dikurniakan pekerjaan dan jodoh yang baik. Aku selalu mengaminkan doa mereka walaupun aku seakan tidak yakin dengan rezekiku sendiri di dunia ini. Setelah berpuluh kali duduk untuk ujian bertulis, tidak pernah sekalipun aku dipanggil untuk wawancara dan lulus ujian. Tidak ku tahu mana silapku. Aku terkadang mahukan penjelasan dan keterangan keputusan dari ujian yang telah ku duduki, tetapi hampa. Walaubagaimanapun, pada akhirnya, doa Babah dan Babu, di tanah suci, tiada hijab, tiada noktah, tiada yang mustahil dengan izin-Nya.

Sehari sebelum kembali pulang ke Brunei Darussalam, aku dan adik-adik berasa gembira dan bersedia untuk menunggu kepulangan Babu dan Babah. Tiba-tiba, telefon bimbit ku berbunyi. Tertera satu nombor yang tidak ku kenali. Aku mengangkat telefonku, "Dayangku Ayana Salsabila Pg Hisyam?" "Ya, di talian." "Ani dari Haj Holding, sabar lai ah. Takziah. Babu dan Babah kita meninggal dunia pagi ani, dalam tidur, sama sama." Aku terduduk. Terdiam. Terpana. Duniaku seakan-akan gelap dan aku pengsan.

Kejadian hitam itu menjadikan aku trauma. Tetapi juga menerima takdir yang ditetapkan. Aku yang bersedia menerima kepulangan mereka, sebaliknya terpaksa menerima yang mereka berpulang di tanah suci dan tempat di mana mereka bermimpi untuk menghabiskan hari tua mereka. Apa yang membuatku tersentuh hati, Babu dan Babah diambil bersama, pada masa dan tempat yang sama. Aku sedih yang teramat tapi aku menerima hakikat bahawa Allah sudah mempunyai perancangan-Nya. Sebenarnya, aku ingin memberikan kejutan kepada kedua mereka bila mereka sampai ke Lapangan Terbang. Aku menerima surat tawaran pekerjaan dengan gaji yang besar sehari sebelum mereka pulang. Aku ingin melihat riak mereka sambil memeluk mereka erat apabila mereka tahu akan hal ini. Rancanganku punah bila jasad pun tidak akan dapat ku peluk.

"Assalamualaikum Sayang..." terasa bahuku disentuh lembut dari belakang. Norman, lelaki yang ku kahwini dan berjumpa kerana dia yang menguruskan jemaah haji semasa Babu dan Babah dipanggil Ilahi. Norman adalah kenalanku ketika di Universiti. Beliau ingin bertegur sapa denganku di lapangan terbang tetapi kerana sibuk dek pekerjaan, beliau berkata beliau mungkin akan berjumpaku lagi sepulang Haji. Norman banyak menjaga jemaah dan sebenarnya beliau telah menyampaikan hasrat untuk merisik aku bila sampai ke Brunei Darussalam. Babah pernah menyampaikannya kepadaku melalui perbualan telefon. Babah dan Babu merestui hasrat tersebut dan aku juga memberikan lampu hijau kerana aku rasa Norman adalah lelaki yang baik dan aku pernah menyukainya di era Universiti dulu. Setelah menerima berita duka, Normanlah yang menerbangkan aku dari Brunei ke sana dan menguruskan permakaman dari awal sehingga selesai. Sekembali pulang, Norman mengahwiniku setahun kemudian. Walaupun kami masih lagi bersendirian tanpa zuriat, Norman dan aku selalu percaya rezeki akan datang pada tepat masanya.

"Astaghfirullah, kenapa ni sayang menangis ani? Tekanang Babu dan Babah kah?". Seakan mengerti apa yang aku rasa, suamiku mengelus lembut pipiku. "Okay abang faham. Tapi, abang ada jua berita baik untuk sayang. InsyaaAllah, abang akan bawa sayang untuk menunaikan Haji tahun hadapan. Sepatutnya, tahun ani tani berangkat tetapi terpaksa abang tunda kerana situasi inda mengizinkan di negara sana. InsyaaAllah, kali ani, sayang, abang dan adi beradi sayang akan ikut serta." Ani kejutan untuk sayang. Aku terdiam. Terharu? Terkesima pastinya. Aku pernah menunaikan umrah. Tetapi kali ini, Haji. Lebih Istimewanya lagi, aku, adik-adik dan suamiku akan menziarahi Babu dan Babah di sana, menjadikannya lebih istimewa dan memberikanku memori baru.

Babu, Babah, kami datang.

Waktu pun berlalu, kami sekeluarga pun berangkat menunaikan haji bersama jemaah lainnya. Setelah menjalani manasik haji yang dijalankan, aku lebih faham selok-belok menunaikan haji bila melangkah kaki di sini. Aku menangis di hadapan Kaabah, dan berdoa semoga Babu dan Babah tahu harapan mereka untuk kami sekeluarga berada di sini telah tercapai. Kami juga menziarahi pusara Babu dan Babah di sini. Madinah dan Mekah tidak kurang indahnya. Abang Norman tidak berada di sini sebagai pegawai mutawif, tetapi sebagai suamiku dan beliau banyak membimbingku dalam menjalankan Haji. Walaupun aku cepat letih ketika menunaikan ibadah, aku juga seronok kerana ada adik-adikku bersamaku. Mengambil sedikit masa dalam kesibukan mereka, mereka juga berharap aku akan reda sepenuhnya setelah hijrah yang satu ini. Beberapa hari setelah tiba di Brunei, aku mual dan muntah-muntah. Mungkin perubahan cuaca yang amat ketara. Norman membawaku ke klinik kerana bimbang akan keadaanku.

"Wah tahniah Ayana, bukan saja gelaran Hajah dan Haji kamu berdua dapat, tapi gelaran Babu dan Babah pun kamu dapat balik ke sini ah.. Tahniah lagi sekali, kita pregnant, dua bulan lebih sudah. " Doktor memberitahu sambil tersenyum lebar. Doktor Shireen adalah Doktor yang selalu merawatku dari kecil dan beliau juga yang tahu betapa kami teruja untuk menimang zuriat. Aku terkejut. Norman terus sujud syukur atas berita yang tidak disangka-sangka ini. "Alhamdulillah, Babu, Babah, banar kata Babu Babah. Di kota-Nya, jodohku dipermudah. Di Kota-Nya, dengan Izin-Nya, dengan doa Babu sama Babah, cucu Babu Babah yang pertama akan tiba." Tidak hairanlah mengapa aku selalu muntah dan mual ketika menunaikan Haji dan semakin kuat gejala tersebut setelah tiba di Brunei, rupa-rupanya aku sudah mengandung setibanya aku di sana. Sungguh, doa ibu bapa adalah sesuatu yang tiada batas, apalagi di atas bumi-Nya. Syukur alhamdulillah Ya Allah.

BERITA GLOBAL

# ENJIN TURBOFAN DRON TUJAHAN KECIL, SEDERHANA MELENGKAPKAN PENERBANGAN SULUNG




MODEL enjin yang dipamerkan di reruai Aero Engine Corporation of China semasa pameran 2023 Aero Asia di Zhuhai, selatan Republik Rakyat China.

**HOHHOT**, 24 Mei. - Enjin turbofan F406 yang dibangunkan secara domestik oleh Republik Rakyat China, dengan kadar tujahan 600 kilogram, telah berjaya menyelesaikan ujian penerbangan sulungnya di Wilayah Autonomi Mongolia Dalam, utara Republik Rakyat China, pada Sabtu.

Menurut Aero Engine Corporation of China, selaku pembangunnya, penerbangan tersebut dijalankan menggunakan dron meteorologi canggih dalam konfigurasi enjin berkembar.

Penerbangan yang berjaya itu menandakan kali pertama Republik Rakyat China mencapai kawalan bebas serta aplikasi domestik bagi enjin turbofan berprestasi tinggi bertujahan kecil dan sederhana dalam sektor kuasa penerbangan am, menurut syarikat tersebut.

Dibangunkan oleh anak syarikat teknologi milik syarikat itu, F406 menampung pelbagai jurang teknikal dalam keupayaan enjin turbofan bertujahan kecil dan sederhana Republik Rakyat China.

Menurut syarikat itu lagi, enjin tersebut akan digunakan dalam pelbagai platform misi, termasuk dron pemeriksaan altitud tinggi, dron komunikasi geganti, dan pesawat tanpa pemandu altitud tinggi berketahanan lama. - ©XINHUA

# Ketua PBB kecewa persidangan perjanjian nuklear gagal capai

**HAMILTON (CANADA)**, 23 Mei. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Jumaat menyuarakan kekecewaan selepas persidangan utama PBB mengenai usaha mencegah percambahan senjata nuklear berakhir tanpa persetujuan dalam kalangan negara peserta, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Setiausaha Agung menyuarakan kekecewaan terhadap kegagalan Persidangan Kajian Semula Ke-11 Pihak-Pihak kepada Perjanjian Mengenai Pengawalan Senjata Nuklear (NPT) mencapai konsensus berhubung hasil substantif dan memanfaatkan peluang penting ini untuk menjadikan dunia lebih selamat," kata jurucakapnya Stephane Dujarric dalam kenyataan.

NPT ialah perjanjian antarabangsa yang bertujuan mencegah percambahan senjata nuklear, menggalakkan pelucutan senjata nuklear dan menyokong penggunaan tenaga nuklear secara aman.

Dujarric berkata Guterres "mengalu-alukan penglibatan ikhlas dan bermakna oleh negara-negara pihak", namun kesal kerana Persidangan Kajian Semula itu "gagal mencapai sasaran, khususnya ketika cabaran mendesak semakin mengancam keselamatan antarabangsa".

"Persekitaran antarabangsa ketika ini yang dicirikan oleh ketegangan mendalam dan peningkatan risiko berkaitan senjata nuklear, menuntut tindakan segera," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan bahawa Ketua PBB menyeru negara-negara "memanfaatkan sepenuhnya semua ruang dialog, diplomasi dan rundingan yang tersedia bagi mengurangkan ketegangan, menurunkan risiko nuklear dan akhirnya menghapuskan ancaman nuklear".

Kenyataan itu turut menegaskan bahawa "dunia bebas senjata nuklear kekal sebagai keutamaan tertinggi PBB dalam bidang pelucutan senjata".

Guterres juga mengucapkan terima kasih kepada Presiden Persidangan Kajian Semula Ke-11, Do Hung Viet atas usaha penuh dedikasi beliau sepanjang persidangan itu, yang bertujuan memperkukuh perjanjian berkenaan dan memajukan matlamatnya. - ©BERNAMA

# California kerah 2,800 anggota bomba hadapi kebakaran hutan

**LOS ANGELES**, 23 Mei. - Gabenor California Gavin Newsom pada Jumaat mengumumkan lebih 2,800 anggota bomba dan petugas kecemasan dikerahkan bagi melindungi komuniti di seluruh California, ketika negeri itu berdepan permulaan awal musim kebakaran hutan, lapor Xinhua.

"California mengerahkan semua sumber yang ada bagi memerangi kebakaran hutan," kata gabenor itu dalam kenyataan media sambil menggesa penduduk supaya sentiasa bersedia, mempunyai pelan kecemasan dan mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan ketika berlaku kecemasan.

Setakat ini, lebih 28,000 ekar (113 kilometer persegi) kawasan musnah terbakar di seluruh negeri, manakala lebih 15,000 struktur terancam dan kira-kira 45,000 orang dikenakan arahan pemindahan.

Awal minggu ini, Newsom memperoleh bantuan persekutuan bagi usaha tindak balas kecemasan terhadap Kebakaran Sandy di Ventura County dan Kebakaran Bain di Riverside County, menurut kenyataan itu.

Anggota bomba sedang memadam sekurang-kurangnya 10 kebakaran hutan aktif yang memusnahkan ribuan ekar kawasan, selain mencetuskan arahan pemindahan dan nasihat berkaitan asap di beberapa bahagian negeri itu minggu ini.

Menurut pejabat Newsom, California melabur berbilion-bilion dolar dalam usaha pencegahan kebakaran hutan dan daya tahan hutan sejak 2021.

Jabatan Perhutanan dan Perlindungan Kebakaran California dalam tinjauannya berkata cuaca kering luar biasa berlaku di seluruh Sierra Utara dan Timur serta berhampiran Sungai Colorado, dengan kemungkinan kemarau semakin meningkat di beberapa kawasan California Utara dalam tempoh empat bulan akan datang.

Jabatan itu turut menyatakan bahawa cuaca kering yang berterusan di sebahagian besar kawasan Barat Daya terus meningkatkan risiko bahan mudah terbakar. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 28 maut selepas lombong emas haram runtuh di Angola

**DAKAR**, 24 Mei. - Sekurang-kurangnya 28 orang maut selepas sebuah lombong emas yang beroperasi secara haram runtuh di Angola, menurut polis pada Sabtu.

Kesemua mangsa lelaki berusia antara 18 hingga 40 tahun tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di wilayah Bengo, timur laut ibu negara Luanda, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kemalangan dilaporkan berlaku di kampung Canacassala, kira-kira 60 kilometer dari Luanda.

Kesemua mangsa dipercayai sedang menjalankan aktiviti melombong emas secara haram di kawasan itu ketika lombong berkenaan runtuh.

Laporan turut menyebut 13 daripada mangsa yang maut merupakan ahli keluarga yang sama.

Pasukan penyelamat meneruskan usaha mencari mangsa lain atau mangsa yang terselamat.

Menurut kerajaan wilayah, kejadian itu merupakan kemalangan maut pertama yang diketahui berkaitan aktiviti perlombongan emas haram di wilayah berkenaan. - ©BERNAMA

# AS ketatkan proses kad hijau, pemohon perlu memohon dari luar negara

**WASHINGTON**, 23 Mei. - Perkhidmatan Kewarganegaraan dan Imigresen Amerika Syarikat (USCIS) pada Jumaat mengumumkan bahawa warga asing yang mahu menukar status imigresen mereka bagi mendapatkan taraf pemastautin tetap atau kad hijau, secara amnya perlu membuat permohonan dari luar Amerika Syarikat (AS) melalui Jabatan Negara, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan, USCIS berkata pegawai imigresen hanya wajar meluluskan permohonan pelarasan status dalam "situasi luar biasa" dan perlu menilai setiap kes secara individu berdasarkan faktor serta maklumat berkaitan.

"Kami kembali kepada maksud asal undang-undang bagi memastikan warga asing mengikut sistem imigresen negara ini dengan betul. Mulai sekarang, warga asing yang berada di AS secara sementara dan mahu mendapatkan Kad Hijau perlu pulang ke negara asal mereka untuk membuat permohonan, kecuali dalam situasi luar biasa," kata jurucakap USCIS Zach Kahler dalam satu kenyataan.

Panduan baharu itu terpakai kepada golongan bukan imigran seperti pelajar antarabangsa, pekerja sementara dan pelancong, yang menurut USCIS, dibenarkan memasuki AS "untuk tempoh singkat dan bagi tujuan tertentu". "Kunjungan mereka tidak sepatutnya menjadi langkah pertama dalam proses mendapatkan Kad Hijau," kata Kahler.

Aktivis hak imigran mengkritik dasar itu dan memberi amaran bahawa ia boleh memisahkan keluarga, mewujudkan halangan baharu kepada pemohon serta mendedahkan sesetengah individu kepada tempoh menunggu yang panjang atau bahaya di negara asal mereka. - ©BERNAMA

# SpaceX lancar roket Starship dinaik taraf dalam ujian terbaharu

**HAMILTON**, 23 Mei. - SpaceX pada Jumaat melancarkan roket Starship paling berkuasa setakat ini, menandakan satu lagi ujian utama dalam usaha syarikat itu membangunkan kapal angkasa bagi misi masa depan ke bulan dan Marikh, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Roket gergasi itu berlepas dari kemudahan Starbase milik SpaceX di Texas, Amerika Syarikat membawa sejumlah satelit Starlink simulasi sebagai sebahagian daripada misi ujian bersepadu ke-12. Pelancaran itu dilakukan tidak lama selepas pengasas SpaceX, Elon Musk mengumumkan rancangan untuk menyenaraikan syarikat itu di pasaran saham.

Menurut kemas kini SpaceX di platform dalam talian, Starship yang dinaik taraf itu berjaya melakukan manuver pusingan terkawal sebelum mendarat di sasaran di Lautan Hindi berhampiran pelampung yang ditandakan dengan logo Starlink.

SpaceX menjalankan beberapa siri penerbangan ujian Starship dalam beberapa tahun kebelakangan ini sebagai usaha ke arah matlamat jangka panjang Musk untuk membina penempatan manusia di Marikh. Syarikat itu juga memperluas ujian keupayaan pendaratan dan pemulihan kapal angkasa berkenaan menjelang misi dengan kru pada masa depan. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# DIGITAL LIFELINES WALK MERIAHKAN WTISD 2026



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa pelepasan rasmi (*flag-off*) pada WTISD 2026 yang berlangsung di Dermaga Diraja.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 24 Mei. - Lebih kurang 300 peserta meriahkan Digital Lifelines Walk sempena Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (World Telecommunication and Information Society Day-WTISD) 2026 yang berlangsung di Dermaga Diraja, di ibu negara hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis anjuran Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Acara bermula dengan sesi pemanasan badan, diikuti dengan pelepasan rasmi (*flag-off*) oleh tetamu kehormat bagi acara berjalan kaki sejauh tiga kilometer.

Selepas aktiviti berjalan kaki berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah melawat pameran mini yang disertai oleh AITI, Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Imagine Sdn. Bhd., Network Integrity Assurance Technologies Sdn. Bhd. (NiAT) dan ANIAN Sdn. Bhd.

Pameran berkenaan menampilkan inovasi, perkhidmatan, dan inisiatif digital yang bertujuan untuk memperkukuh ketersambungan (*connectivity*) dan daya tahan negara.

Di samping itu juga, Yang Berhormat juga meluangkan masa menyaksikan laman sesawang Waspada.bn yang merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dalam talian dan mempromosi penggunaan teknologi digital secara bertanggungjawab.

Waspada.bn ditubuhkan sebagai tindak balas kolaboratif seluruh kerajaan Whole-of-Government terhadap peningkatan penyebaran berita palsu dan penipuan dalam talian (*scams*).

Selain itu, Waspada.bn juga berfungsi sebagai platform semakan fakta berpusat yang mesra pengguna, bagi menyediakan akses kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang sah dan boleh dipercayai.

Kandungan yang diterbitkan di platform berkenaan diperoleh secara langsung daripada kemas kini rasmi yang dikeluarkan oleh kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan, di samping menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan kewaspadaan digital dengan mengesahkan maklumat sebelum berkongsinya dalam talian.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; dan Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Para jemputan lain yang hadir termasuk ahli-ahli pihak berkuasa AITI, pegawai-pegawai kanan dari MTIC, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), serta wakil-wakil dari Persekutuan InfoKom Brunei (IFB), penyedia perkhidmatan telekomunikasi, dan ahli keluarga.

WTISD disambut setiap tahun pada 17 Mei bagi memperingati ulang tahun penandatanganan Konvensyen Telegraf Antarabangsa yang Pertama serta penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

WTISD disambut untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penggunaan internet serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam menyokong pembangunan masyarakat dan ekonomi serta mempromosi usaha-usaha untuk merapatkan jurang digital.

Tema sambutan pada tahun ini, iaitu 'Talian Hayat Digital : Memperkukuh Daya Tahan dalam Dunia Terhubung' (Digital Lifelines: Strengthening Resilience in a Connected World), yang menekankan kepentingan membangunkan infrastruktur digital yang selamat, teguh, dan mampan bagi menyokong ketersambungan yang berterusan serta daya tahan digital jangka panjang.

# Kampung Ku Cergas memupuk budaya hidup aktif



SESI bergambar ramai pada acara 'Kampung Ku Cergas' yang dimeriahkan dengan kehadiran Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**MUKIM LABI**, Ahad, 24 Mei. – Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labi I dan MPK Labi II dengan kerjasama Kelab Basikal BSRC (Kelab Rekreasi Brunei Shell) serta Persatuan Berbasikal Daerah Belait, hari ini menganjurkan acara 'Kampung Ku Cergas' yang berlangsung di Dewan Serbaguna Mukim Labi.

Acara pagi berkenaan mengetengahkan pelbagai aktiviti riadah termasuk program berbasikal, berjalan kaki (*brisk walk*) dan tamu jual-jualan yang mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk kampung dan mukim sekitarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Turut menyertai acara berkenaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman, juga Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait; Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, juga Ketua Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait; Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani; Ketua Kampung Labi II, Awang Muhammad Nurazri bin Haji Mustapha, selaku Pengerusi Majlis; dan Pemangku Ketua Kampung Labi I, Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pengerusi Bersama; penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung; Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk kawasan berkenaan.

Selain bagi memperkenalkan lagi Mukim Labi kepada masyarakat, penganjuran acara berkenaan juga dihasrat bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan penduduk-penduduk kampung serta orang awam dan menggalakkan amalan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah dan sukan.

Selain itu, aktiviti berkenaan juga bagi menggalakkan penduduk kampung untuk mengadakan jualan makanan, minuman serta sayur-sayuran hasil daripada tanaman sendiri para penduduk kampung.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn